

SOAL JAWAB

EKONOMI ISLAM



Cetakan Pertama 2015

© Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia
Penerbitan

Data Pengkatalogan-dalam-

Penerbitan:

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Tingkat 9, Menara Utara

Bangunan Sultan Idris Shah

Seksyen 5

40000 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan


Tel: 603-5514 3752

Faks: 603-5512 4042

E-Mel: pro@mais.gov.my

Laman web: mais.gov.my

Dicetak oleh:



KANDUNGAN

PRAKATA	v
MUKADIMAH	vii
BAHAGIAN 1:	
UMUM	1
BAHAGIAN 2:	
AL-MAL	11
BAHAGIAN 3:	
JUAL BELI	97
BAHAGIAN 4:	
PERBANKAN ISLAM	123
BAHAGIAN 5:	
GADAIAN	131

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT, Selawat dan Salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Dengan limpah dan kurniaNya maka dapatlah buku, *Soal Jawab Ekonomi Islam* ini diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dengan pembiayaan sepenuhnya daripada Lembaga Zakat Selangor. Terbitan buku ini adalah bertujuan mengembalikan semula manfaatnya kepada umat Islam melalui penjagaan kemaslahatan ummah serta memberi pencerahan kepada umat Islam mengenai aspek-aspek utama ekonomi Islam.

Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan hambaNya mendapatkan rezeki daripada sumber yang halal dan menjauhi perkara-perkara yang diharamkan kerana ia membawa pada kerosakan dan menjejaskan ketaatan kepada Allah yang Maha Esa. Perintah Allah SWT tersebut adalah bagi memastikan segala ibadat kepada Allah SWT akan diterima dan diberkati. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Hai manusia! Makanlah sebahagian dari makanan yang ada di bumi ini, yang halal dan baik. Dan janganlah kamu turuti jejak langkah syaitan, sesungguhnya syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata."

(Surah Al-Baqarah 2 : 168)


Buku ini adalah sebagai rujukan kepada umat Islam agar masyarakat memahami ekonomi berlandaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah. Ia diterbitkan untuk menjawab persoalan masyarakat berkaitan ekonomi yang memberi fokus kepada pengurusan harta dan sistem kewangan Islam di Malaysia. Buku ini menerangkan perbezaan sistem ekonomi dan kewangan Islam dengan sistem ekonomi dan kewangan konvensional serta menjelaskan mengenai beberapa institusi kewangan Islam. Di samping itu, ia turut memberi fokus pada persoalan pengurusan harta pusaka, wasiat, hibah, harta *luqatah*, zakat dan wakaf. Seterusnya, buku ini memberi pencerahan mengenai persoalan berkaitan dengan urusan jual beli, perbankan Islam dan gadaian.

Mudah-mudahan dengan terbitnya buku ini, masyarakat Islam dapat memahami prinsip dan kaedah ekonomi yang berlandaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah serta dapat memudahkan masyarakat Islam membuat keputusan dalam hal-hal berkaitan aktiviti ekonomi seperti jual beli dan perbankan Islam. Semoga ia dapat meningkatkan lagi pengetahuan masyarakat Islam mengenai keperluan *maqasid syariah* dalam urusan harian terutamanya berkaitan dengan penjagaan harta dan keturunan.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ingin mengucapkan “*Jazakumullahu Khairan Kathira*” kepada semua pihak yang sama-sama terlibat bagi menyiapkan buku yang amat berharga ini untuk kepentingan masalah masyarakat Islam. Semoga dengan usaha yang kecil ini, akan memberi manfaat yang besar kepada umat Islam di samping memberi kesedaran untuk mengeluarkan zakat bagi kemaslahatan ummah melalui lapan asnaf yang diwajibkan. Hasil ganjaran yang diperoleh melalui penerbitan buku ini akan dikongsi pahala dan manfaatnya oleh pengeluar zakat di akhirat kelak.

Sekian, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa
Pengerusi MAIS



MUKADIMAH

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT dengan izinNya, dapat juga penulisan buku mengenai persoalan ekonomi Islam ini disempurnakan. Penerbitan buku ini amat relevan memandangkan bidang ekonomi amat penting kepada semua kerana ia berkaitan dengan aktiviti, hubungan dan urusan harian insan.

Islam amat menekankan kebaikan, kebahagiaan, kemaslahatan, kesenangan dan kelapangan yang berhubung kait dengan keredhaan Allah SWT. Begitulah juga dengan ekonomi Islam. Ekonomi Islam telah bermula ketika Allah SWT menurunkan syariatNya kepada RasulNya sebagaimana dijelaskan menerusi ayat-ayat Al-Qur'an dan rangkaian hadis-hadis sahih. Bidang ekonomi adalah satu bidang yang amat kompleks dan terdedah dengan perubahan zaman. Maka, umat Islam memerlukan sedikit pendedahan agar tidak berkecamuk dengan ilmu Barat yang bertuhankan keuntungan dan bermatlamatkan duniawi semata-mata.

Buku ini diterbitkan bertujuan untuk menjadi panduan dan rujukan asas bagi persoalan serta permasalahan yang lazim dilontarkan oleh masyarakat kepada institusi yang menguruskan ekonomi umat Islam di Malaysia. Buku ini membantu memberikan jawapan kepada persoalan masyarakat berkaitan isu-isu ekonomi

Islam terutamanya mengenai pengurusan harta pusaka, harta *luqatah*, wasiat, hibah dan instrumen kewangan seperti jual beli, simpanan dan pinjaman serta insurans. Kupasan bagi setiap persoalan adalah berasaskan pada Fatwa Negeri Selangor, fatwa kebangsaan, portal Majlis Agama Negeri, Manual Pengurusan JAWHAR serta buku-buku agama yang menghimpunkan isu-isu harian dan aktiviti pengurusan harta, kewangan dan kebajikan umat Islam di Malaysia sebagai rujukan.

Adalah menjadi harapan penulis supaya masyarakat Islam khususnya pembaca buku ini dapat menjadikannya sebagai panduan asas berkaitan ekonomi Islam dan mengambil manfaat daripada penulisan buku ini.

PENGARANG

BAHAGIAN 1

UMUM

Soalan 1:

Apa itu ekonomi Islam?

Jawapan:

Ekonomi Islam merupakan sistem ekonomi yang mengimbangi antara keperluan kebendaan dan keperluan rohani berpandukan Al-Qur'an dan Al-Hadis. Terdapat beberapa tafsiran berkaitan ekonomi Islam iaitu:

1. Satu sistem integral yang sempurna yang merangkumi akidah dan syariah (Prof. Dr. Ahmad Muhammad 'Assal & Prof. Dr. Fathi Ahmad Abdul Karim, 1977).
2. Salah satu kajian daripada ilmu sains kemasyarakatan mengenai tingkah laku manusia dalam mengurus sumber alam untuk diri dan masyarakat bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT (Prof. Dr. Hailani Muji Tahir, 1991).
3. Pengetahuan, peraturan dan ajaran syariah yang menegakkan keadilan dalam penggunaan dan pengeluaran sumber-sumber material untuk keperluan manusia, agar manusia dapat menjalankan kewajipan kepada Allah SWT. (Hasanuzzanman).

4. Ilmu ekonomi Islam adalah ilmu pengetahuan sosial berkaitan ekonomi dan masyarakat berpandukan nilai-nilai Islam (Muhammad Abdul Manan, 1992).

Soalan 2:

Apakah perbezaan sistem ekonomi islam dengan sistem ekonomi barat?

Jawapan:

Perbezaan sistem ekonomi Islam dengan sistem ekonomi Barat adalah seperti berikut:

1. Cara memiliki harta

Islam: Umat Islam disuruh memiliki harta dengan cara yang halal dan menepati syariah tanpa riba, penipuan, rasuah dan eksploitasi.

Barat: Harta adalah hak milik persendirian secara mutlak yang mana harta tersebut boleh digunakan secara bebas untuk mendapatkan keuntungan dengan apa cara sekalipun, walaupun bertentangan dengan tuntutan agama.

2. Sistem percukaian

Islam: Islam sebagai agama *ta'awun* iaitu saling tolong menolong dan sejahtera, menjadikan zakat sebagai mekanisme percukaian yang menjamin kemakmuran bersama yang mana umat Islam yang kurang berkemampuan tidak dibiarkan tanpa terbela. Pada masa yang sama, zakat adalah bentuk penyucian jiwa paling bermakna buat golongan yang kaya.

Barat: Pembayaran cukai adalah untuk pemerintah tanpa menyentuh tanggungjawab kepada golongan lain jauh sekali dikaitkan dengan ketuhanan.

3. Prinsip Tanggungjawab

Islam: Manusia adalah khalifah Allah SWT yang diamanahkan untuk memakmurkan dunia. Maka, atas dasar amanah manusia perlu mendapatkan harta dengan cara yang baik agar mendapat keredhaan Allah SWT.

Barat: Prinsip pemegang amanah hanya wujud dalam kalangan majikan dengan pekerja dan, penjual dengan pembeli tanpa ada hubung kait dengan ketuhanan.

4. Prinsip Keuntungan

Islam: Untung dan rugi dalam perniagaan merupakan lumrah dalam muamalat Islam dan ia menjadi asas pada perniagaan dan perkongsian. Islam menggalakkan sistem mudharabah iaitu pemodal memberikan modalnya kepada peniaga supaya menjalankan perniagaan dan keuntungan dibahagikan di antara mereka.

Barat: Meminimumkan kos dan memaksimumkan keuntungan untuk mengelakkan kerugian tanpa mengambil kira tentang penindasan dan masalah umum.

Soalan 3:**Mengapakah ekonomi Islam perlu dilaksanakan?****Jawapan:**

Allah SWT telah memerintahkan orang-orang Mukmin agar mereka mengamalkan ajaran Islam, maka menjadi kewajiban setiap Muslim untuk melaksanakan perintah Allah SWT. Selain itu, ekonomi Islam mempunyai sistem yang teratur, seimbang dan memberikan kebaikan kepada sesama manusia. Matlamat sistem ekonomi Islam adalah mencari keredhaan Allah SWT yang mana ia mementingkan aspek keadilan dan keseimbangan, kebebasan individu dengan masalah awam dan soal agama dengan perkara-perkara keduniaan.

Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ
الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam (ajaran) Islam keseluruhannya, dan janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu."

(Surah Al-Baqarah; 2 : 208)

Secara umumnya, ekonomi Islam mementingkan perkara-perkara berikut:

1. Semua aktiviti yang dilaksanakan hendaklah bertepatan dengan syariat Allah SWT untuk memperolehi keuntungan

di dunia dan di akhirat. Usaha ini memerlukan pada pengetahuan dan pemahaman yang betul mengenai soal halal dan haram sesuatu aktiviti.

2. Konsep keadilan dan kepentingan sejagat amat diutamakan kerana setiap manusia mempunyai hak-hak tertentu yang perlu dipenuhi secara saksama. Setiap manusia sama ada kaya atau miskin, mempunyai haknya yang tersendiri. Konsep keadilan ini boleh diterjemahkan melalui aktiviti zakat yang mana mereka yang berharta mengeluarkan zakat atau menginfakkan sebahagian hartanya kepada mereka yang kurang berkemampuan.
3. Prinsip keikhlasan dalam memperjuangkan sistem ekonomi Islam turut dititikberatkan oleh Islam. Nilai ini mesti bergerak seiring dengan semua aktiviti agar ia membuahkan hasil yang cukup cemerlang dan lumayan serta bersesuaian dengan pandangan syariah Islam.

Oleh itu, adalah menjadi kewajipan kepada setiap Muslim untuk memperjuangkan sistem ekonomi Islam ini sebagai salah satu cabang dalam muamalat Islam. Ia bukan sekadar membantu golongan yang memerlukan atau meningkatkan taraf hidup umat Islam, malah yang lebih penting sebagai memenuhi tuntutan akidah Islam itu sendiri.

Soalan 4:

Apakah yang dimaksudkan dengan muamalat?

Jawapan:

Muamalat adalah aktiviti yang melibatkan perhubungan manusia dengan manusia dalam memenuhi keperluan masing-masing. Dari segi istilah, muamalat adalah hukum syariat iaitu tatacara atau peraturan yang melibatkan ekonomi dan sosial umat Islam serta berkaitan dengan urusan harian seperti jual beli dan sistem pertukaran.

Soalan 5:

Apakah dimaksudkan dengan muamalah?

Jawapan:

Muamalah secara umumnya adalah aturan-aturan (hukum) Allah SWT untuk mengatur kehidupan manusia dengan urusan duniawi atau dalam pergaulan sosial. Secara khususnya, muamalah bermaksud aturan-aturan Allah SWT yang wajib ditaati yang mengatur hubungan di antara manusia dengan manusia dalam memperoleh dan mengembangkan harta.

Soalan 6:

Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan kewangan Islam?

Jawapan:

Pengurusan kewangan Islam merupakan satu kaedah untuk

mencapai *hasanah* (kebaikan) di dunia dan di akhirat yang mana ia mengaitkan segala aktiviti dengan Allah SWT. Terdapat dua aspek utama dalam pengurusan kewangan Islam iaitu:

1. Cara harta diperolehi yang mana Islam menggariskan kaedah pemilikan harta yang sah, jual beli yang adil, pelaburan yang halal, hadiah dan sebagainya.
2. Cara harta itu dibelanjakan, yang mana Islam mengambil kira perbelanjaan seperti berikut:
 - i. Untuk kemaslahatan sendiri seperti keperluan jasmani dan rohani;
 - ii. Untuk kemaslahatan orang lain seperti nafkah dan sedekah;
 - iii. Untuk kemaslahatan umum seperti membina masjid, hospital dan sebagainya.

Hal ini dapat difahami melalui sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Tidak akan berganjak kedua-dua kaki seorang hamba pada hari kiamat nanti sampai ditanya tentang empat perkara: tentang umurnya, untuk apa dihabiskan; tentang ilmunya, sejauh mana dia amalkan ilmu tersebut; tentang hartanya, dari mana harta tersebut didapatkan dan untuk apa harta tersebut dibelanjakan dan; tentang tubuhnya, untuk apa dia gunakan."

(Hadis Riwayat At-Tirmidzi)

Soalan 7:

Apakah perbezaan antara sistem kewangan Islam dengan sistem kewangan konvensional?

Jawapan:

Perbezaan sistem kewangan Islam dan sistem kewangan konvensional boleh dilihat pada konsep dan operasi. Konsep sistem kewangan Islam merujuk pada prinsip-prinsip syariah yang bebas daripada unsur-unsur yang dilarang seperti riba, *gharar* (keraguan), *maisir* (judi), *tadlis* (penipuan), penindasan, ketidakadilan, memonopoli harta dan sebagainya. Manakala konsep sistem kewangan konvensional pula adalah sebaliknya.

Dari sudut operasi pula, sistem kewangan Islam adalah berteraskan akad yang telah dipersetujui oleh syarak seperti *Bai' Bithaman Ajil* (BBA), *Wadiah*, *Mudharabah*, *Musyarakah* dan sebagainya. Manakala sistem kewangan konvensional pula operasinya adalah tidak berteraskan akad-akad yang sah dari sudut syarak dan kebanyakannya terlibat dalam sistem pinjaman yang berteraskan riba.

Soalan 8:

Apa itu institusi kewangan?

Jawapan:

Institusi kewangan juga dikenali sebagai *financial intermediaries*. Dari sudut bahasa, ia bermaksud orang tengah dalam kewangan sebagai contoh Baitulmal, bank, syarikat insurans dan yang berkaitan.

Soalan 9:

Apakah institusi kewangan Islam yang menjana ekonomi Islam di Malaysia?

Jawapan:

Institusi kewangan Islam yang menjana ekonomi di Malaysia antaranya adalah Baitulmal, bank yang berteraskan Islam dan takaful. Institusi-institusi ini memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi negara dan mendapat sokongan yang menggalakkan daripada umat Islam di Malaysia.

BAHAGIAN 2

AL-MAL

Soalan 1:

Apakah itu Baitulmal?

Jawapan:

Institusi Baitulmal adalah sebuah insitituti kewangan yang bertujuan untuk mengurus dan menjana ekonomi umat Islam. Di Malaysia, institusi Baitulmal diwujudkan di setiap negeri bagi memudahkan pentadbiran dan pengurusan wang dan harta umat Islam. Pada masa kini, antara fungsi utama Baitulmal di negeri Selangor adalah seperti berikut:

1. Pengurusan harta: harta pusaka, pengurusan harta *luqatah*, wakaf
2. Pengurusan wasiat dan hibah
3. Pengurusan kutipan dan agihan zakat

Soalan 2:**Apakah yang dimaksudkan dengan harta pusaka?****Jawapan:**

Menurut *Kamus Dewan*, pusaka adalah harta benda peninggalan orang yang telah meninggal dunia. Manakala dalam bahasa Arab pula, pusaka dipanggil warisan. Menurut istilah syarak, harta warisan (harta pusaka) adalah harta benda peninggalan orang yang telah meninggal dunia.

Terdapat pelbagai jenis harta benda yang boleh menjadi harta pusaka. Antaranya adalah rumah, tanah, wang tunai, wang simpanan termasuk di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), saham, kereta, barang kemas dan sebagainya.

Soalan 3:**Apakah itu faraid?****Jawapan:**

Faraid dari segi bahasa ialah mengetahui sesuatu, menentukan, memastikan, menghalalkan dan mewajibkan. Dari segi istilah, faraid ialah suatu ilmu yang menggariskan hukum perwarisan mengenai orang yang berhak menerima pusaka atau orang yang tidak berhak menerimanya serta kadar dan jumlah yang patut diterima oleh ahli waris dan cara pembahagiannya. Allah SWT berfirman:

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ ۚ نَصِيبًا مَّفْرُوضًا

Maksudnya:

“Orang lelaki ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabatnya, dan wanita ada hak bahagian (pula) daripada harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya, baik sedikit atau banyak menurut bahagian yang telah ditetapkan.”

(Surah An-Nisaa'; 4 : 7)

Soalan 4:

Apakah yang melayakkan seseorang menerima harta pusaka?

Jawapan:

Terdapat empat sebab yang melayakkan seseorang menerima harta pusaka ialah:

1. Perkahwinan

Pasangan suami isteri melalui ikatan perkhawinan yang sah.

2. Keturunan/kerabat

Ibubapa, anak lelaki, datuk, nenek, moyang, cucu, adik-beradik, bapa saudara, anak saudara, sepupu sehinggalah habis semua atau tiada lagi kerabat dan saudara mara yang terdekat.

3. Pembebasan hamba

Tuan kepada hamba yang telah dibebaskan. Sekiranya hamba itu mati tanpa meninggalkan waris, maka bekas tuannya itu berhak menerima pusaka.

4. Baitulmal

Apabila seseorang individu meninggal dunia dan tidak mempunyai waris atau tidak habis pusaka fardunya maka harta selebihnya diserahkan kepada Baitulmal.

Soalan 5:

Apakah syarat-syarat pewarisan harta pusaka?

Jawapan:

Syarat-syarat perwarisan harta pusaka adalah:

1. Pemilik harta meninggal dunia.
2. Pewaris sah masih hidup walaupun sementara.
3. Tahu kedudukan ahli waris si mati.
4. Si mati tinggalkan harta.
5. Tiada ahli waris yang terhalang daripada menerima pusaka.
6. Teliti dan tentukan bahagian ahli waris yang terhalang daripada menerima pusaka.

Soalan 6:

Apakah yang dimaksudkan asabah?

Jawapan:

Asabah mengikut istilah ialah waris yang tidak menerima bahagian faraid secara fardu yang ditetapkan oleh syarak, tetapi menerima baki harta pusaka atau ada kalanya menerima semua harta

pusaka setelah bahagian waris yang fardhu telah dihabiskan atau tiada waris langsung. Ada kalanya waris *asabah* tidak menerima langsung harta pusaka kerana telah dihabiskan oleh waris fardu.

Soalan 7:

Siapakah waris utama yang berhak ke atas harta pusaka?

Jawapan:

Terdapat 15 ahli waris daripada pihak lelaki dan 10 ahli waris daripada pihak perempuan yang utama dan layak menerima harta pusaka.

Ahli waris lelaki yang layak menerima harta pusaka adalah seperti berikut:

1. Anak lelaki
2. Cucu lelaki dari anak lelaki
3. Bapa
4. Datuk
5. Saudara lelaki seibu sebapa
6. Saudara lelaki sebapa
7. Saudara lelaki seibu
8. Anak saudara lelaki dari seibu sebapa
9. Anak saudara lelaki dari seibu atau sebapa
10. Bapa saudara seibu sebapa
11. Bapa saudara sebapa
12. Sepupu dari bapa saudara seibu sebapa
13. Sepupu dari bapa saudara sebapa
14. Suami
15. Hamba sahaya

Jika kesemua waris lelaki tersebut wujud, maka hanya tiga orang sahaja yang layak iaitu:

1. Bapa
2. Anak lelaki
3. Suami

Ahli waris perempuan yang layak menerima harta pusaka iaitu:

1. Anak perempuan
2. Cucu perempuan dari anak lelaki
3. Ibu
4. Nenek sebelah ibu
5. Nenek sebelah bapa
6. Saudara perempuan seibu sebapa
7. Saudara perempuan seibu
8. Saudara perempuan sebapa
9. Isteri
10. Tuan kepada hamba perempuan (hamba sahaya)

Jika kesemua ahli waris di atas wujud, hanya 5 orang yang layak:

1. Anak perempuan
2. Cucu perempuan dari anak lelaki
3. Ibu
4. Saudara perempuan seibu sebapa
5. Isteri

Sekiranya kesemua 25 waris utama lelaki dan perempuan masih hidup, maka keutamaan hanya diberikan kepada lima ahli waris berikut:

1. Bapa
2. Ibu
3. Anak Lelaki
4. Anak Perempuan
5. Suami/Isteri

Soalan 8:

Adakah anak tak sah taraf atau luar nikah layak menerima harta pusaka?

Jawapan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-57 yang bersidang pada 10 Jun 2003 telah memutuskan seperti berikut:

1. Anak tak sah taraf adalah:
 - i. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan *syubhah* atau bukan daripada anak perhambaan.
 - ii. Anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dua *lahzah* (saat) mengikut takwim *qamariah* dari tarikh *tamkin* (setubuh).
2. Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu,

mereka tidak boleh menerima harta pusaka, tidak menjadi *mahram* dan tidak boleh menjadi wali.

Kesimpulannya, anak tak sah taraf atau luar nikah tidak boleh mewarisi harta pusaka bapanya. Ini kerana anak itu bukan anak yang sah mengikut hukum syarak dan tidak boleh dinasabkan kepada bapa itu, yang mana anak luar nikah bukan 'keturunan hakiki' atau 'darah daging' kepada bapa itu. Bagaimanapun anak tak sah taraf atau luar nikah boleh mewarisi harta ibu yang melahirkannya.

Soalan 9:

Adakah anak angkat layak menerima harta pusaka?

Jawapan:

Mengikut sistem faraid, anak angkat tidak tergolong sebagai individu yang layak menerima harta pusaka. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor (sekarang dikenali sebagai Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor) bertarikh 22 Jun 1989 telah membincangkan isu pemberian harta pusaka kepada anak angkat dan bersetuju terhadap perkara berikut:

1. Sekiranya pemberian itu dibuat semasa si pemberi masih hidup, pemberian itu dinamakan hibah dan hendaklah dilakukan mengikut syarat rukun hibah.
2. Sekiranya pemberian itu berkuatkuasa selepas si pemberi mati, pemberian itu dinamakan wasiat dan pemberian itu hendaklah dibuat mengikut syarat rukun wasiat.

Oleh yang demikian, mana-mana orang yang hendak membahagikan hartanya kepada anak angkat, pembahagian harta perlulah dibuat semasa mereka masih hidup.

Soalan 10:**Bolehkah seseorang mewasiatkan harta kepada anak-anak?****Jawapan:**

Seseorang boleh mewasiatkan hartanya kepada anak-anak tertakluk kepada persetujuan ahli-ahli waris. Persetujuan ahli waris tertakluk pada dua syarat:

1. Persetujuan hendaklah diperoleh selepas kematian pewasiat.
2. Ahli waris yang memberi persetujuan hendaklah seorang yang akil baligh, tidak gila dan tidak dipaksa.

Soalan 11:**Apakah tanggungjawab waris terhadap harta pusaka si mati?****Jawapan**

Tanggungjawab waris terhadap harta pusaka si mati adalah seperti berikut:

1. Mengumpulkan maklumat harta si mati seperti geran, akaun bank, perjanjian jual beli, sijil-sijil kewangan dan lain-lain;
2. Memperolehi maklumat mengenai hutang serta jumlah perbelanjaan pengurusan dan pengebumian jenazah si mati meliputi pembelian peralatan kapan, keranda, upah memandi dan mengkafankan jenazah serta upah menggali kubur dan membawa jenazah ke kubur.
3. Selepas menolak harta si mati untuk perbelanjaan pengurusan jenazah, ahli waris hendaklah menyelesaikan segala hutang yang ditinggalkan si mati, sama ada hutang dengan Allah

SWT atau hutang dengan manusia, sekiranya ada. Contoh hutang dengan Allah SWT adalah seperti haji, zakat, fidyah, kafarah dan sebagainya manakala hutang dengan manusia contohnya seperti pinjaman wang. Harta si mati atau wang derma orang ramai atau wang khairat kematian boleh digunakan untuk melunaskan hutang si mati.

4. Menyelesaikan tuntutan harta sepencarian di Mahkamah Syariah, sekiranya ada.
5. Melaksanakan wasiat si mati, sekiranya ada; dan
6. Mengenal pasti ahli waris dan kadar bahagian mengikut hukum faraid.

Soalan 12:

Di manakah permohonan pembahagian harta pusaka boleh dibuat oleh ahli waris?

Jawapan:

Permohonanan pembahagian harta pusaka boleh dibuat di agensi berikut:

1. Mahkamah Syariah untuk permohonan penentuan waris dan bahagian setiap orang waris yang dikeluarkan dalam "Sijil Faraid". Di samping itu, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam hal berkaitan wasiat, hibah, wakaf, sah taraf anak, perkahwinan, harta sepencarian dan nasab berkaitan dengan pembahagian harta pusaka.
2. Pejabat Harta Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) untuk permohonan pembahagian harta

pusaka bagi nilai keseluruhan harta tidak melebihi RM2 juta bagi mendapatkan Perintah Pembahagian Harta Pusaka.

3. Amanah Raya untuk permohonan bagi pembahagian harta si mati yang hanya meninggalkan harta alih sahaja dan nilainya tidak melebihi RM600,000 berpandukan kepada Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad (Akta 532).
4. Mahkamah Tinggi untuk permohonan pembahagian harta si mati sama ada harta tak alih (tanah) atau harta alih yang nilainya melebihi RM600,000.

Soalan 13:

Siapakah yang boleh membuat permohonan di pejabat pusaka?

Jawapan:

Antara individu-individu yang berhak memohon adalah seperti berikut:

1. Waris-warisi mati seperti balu lelaki atau perempuan, anak lelaki atau perempuan, ibu atau bapa, Majlis Agama Islam (Baitulmal) dan sebagainya.
2. Pembeli di bawah surat perjanjian jual beli yang sah.
3. Pemegang gadaian atau pemegang pajakan tanah si mati.
4. Penghulu atau Pegawai Petempatan yang diarahkan oleh Pentadbir Tanah atau Amanah Raya Berhad.

Soalan 14:

Bagaimana Baitulmal boleh memperoleh harta pusaka orang Islam?

Jawapan:

Baitulmal boleh memperolehi harta pusaka seseorang Islam melalui:

1. Perintah Mahkamah Syariah (Sijil Faraid).
2. Perintah Bicara Kuasa Seksyen Pembahagian Pusaka kecil.
3. Perintah Pembahagian Pusaka dan Amanah Raya Berhad.
4. Aduan atau laporan orang awam.

Soalan 15:

Kenapa perlu menyegerakan pengurusan harta pusaka si mati?

Jawapan:

Tiada dalil berkaitan menyegerakan pengurusan harta pusaka. Namun, tindakan menyegerakan pengurusan harta si mati adalah bertujuan untuk mengelakkan waris daripada mengambil atau memakan harta-harta pusaka tanpa persetujuan semua waris. Kelewatan menguruskan harta pusaka boleh juga menyebabkan waris memiliki harta secara haram atau termakan harta anak yatim. Ini adalah sebagaimana Firman Allah SWT yang bermaksud:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَمِ
لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu makan harta antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim-hakim dengan tujuan supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta orang lain dengan cara yang berdosa, sedangkan kamu mengetahui.”

(Surah al-Baqarah; 2 : 188)

Soalan 16:

Apakah kesan lewat menguruskan harta pusaka?

Jawapan:

Tindakan melewatkan pengurusan harta pusaka boleh menimbulkan masalah berikut:

1. Termakan harta secara batil.
2. Hutang si mati tidak segera dijelaskan oleh waris.
3. Wasiat si mati tidak ditunaikan.
4. Urus niaga hartanah si mati tidak dapat dilaksanakan seperti jual beli, cagar, sewa dan sebagainya.
5. Harta si mati tidak terurus atau terbiar.
6. Dokumen penting seperti sijil mati, geran (suratan) hak milik dan lain-lain mungkin akan hilang.
7. Berlaku kematian berlapis, iaitu waris mati sebelum pusaka dibahagikan kepadanya.

Soalan 17:

Bagaimanakah pengiraan pembahagian harta pusaka?

Jawapan:

Pengiraan bahagian bagi pembahagian harta pusaka kepada ahli waris mengikut syarak adalah seperti berikut:

Bahagian Diperoleh	Suami Kepada Si Mati
$\frac{1}{2}$	Tidak mempunyai anak ATAU Tidak mempunyai cucu dari anak lelaki
$\frac{1}{4}$	Mempunyai anak ATAU Mempunyai cucu dari anak lelaki

Bahagian Diperoleh	Isteri Kepada Si Mati
$\frac{1}{4}$	Tiada anak ATAU Tiada cucu dari anak lelaki
$\frac{1}{8}$	Mempunyai anak ATAU Mempunyai cucu dari anak lelaki

Bahagian Diperoleh	Anak Perempuan Kepada Si Mati
$\frac{1}{2}$	Hanya seorang sahaja DAN tidak ada anak lelaki
$\frac{2}{3}$	Dua orang anak perempuan atau lebih DAN tiada anak lelaki
<i>Asabah Bi-Ghairih</i>	Mempunyai anak lelaki - mendapat separuh dari bahagian anak lelaki

Bahagian Diperoleh	Cucu Perempuan Anak Lelaki Si Mati
1/2	Mempunyai seorang cucu sahaja DAN tiada anak
2/3	Mempunyai dua orang cucu atau lebih DAN tiada anak
1/6	Mempunyai seorang atau lebih cucu jika bersama-sama dengan seorang anak perempuan
<i>Asabah Bi-Ghairih</i> ¹	Mempunyai cucu lelaki - mendapat separuh daripada bahagian cucu lelaki daripada anak lelaki. Terhalang disebabkan mempunyai anak lelaki ATAU dua orang anak perempuan atau lebih

Bahagian Diperoleh	Bapa Kepada Si Mati
1/6	Mempunyai anak lelaki ATAU cucu lelaki dari anak lelaki
1/6 dan <i>Asabah</i>	Mempunyai anak perempuan ATAU cucu perempuan dari anak lelaki
<i>Asabah</i>	Tiada anak ATAU cucu dari anak lelaki

1 *Asabah Bi-Ghairih* ialah pembahagian pusaka dengan jalan menghabiskan semua harta, atau pengambilan semua baki untuk semua perempuan dengan sebab adanya orang lelaki lain. Terdiri daripada empat orang iaitu: anak perempuan atau anak lelaki, cucu perempuan atau cucu lelaki, saudara kandung perempuan atau saudara kandung lelaki, saudara sebapa atau saudara lelaki perempuan.

Bahagian Diperoleh	Ibu Kepada Si Mati
1/6	Mempunyai anak ATAU cucu dari anak lelaki ATAU mempunyai dua saudara kandung ATAU saudara sebapa
1/3	Tidak mempunyai anak ATAU cucu dari anak lelaki ATAU tiada dua saudara kandung ATAU saudara sebapa
<i>Asabah</i>	Mempunyai bapa serta suami ATAU isteri

Bahagian Diperoleh	Datuk Kepada Si Mati
Sama seperti bapa	Hanya mendapat bahagian sekiranya tiada bapa

Bahagian Diperoleh	Saudara Perempuan Seibu Sebapa Kepada Si Mati
1/2	Tiada anak, cucu, bapa DAN tiada waris yang menjadikannya <i>Asabah</i>
2/3	Dua orang atau lebih, tiada anak, cucu, bapa DAN ahli yang menjadikannya <i>Asabah</i>
<i>Asabah</i>	Mempunyai saudara lelaki kandung ATAU datuk
Terhalang oleh	disebabkan adanya bapa, ATAU anak lelaki ATAU cucu lelaki dari anak lelaki

Soalan 18:**Apakah yang dimaksudkan dengan harta sepencarian?****Jawapan:**

Harta sepencarian adalah harta yang diperoleh oleh pasangan suami isteri secara bersama semasa hidup dan sepanjang tempoh perkahwinan. Harta tersebut dituntut oleh pasangan yang masih hidup daripada harta si mati. Harta sepencarian tidak termasuk dalam hukum faraid. Tetapi sebelum harta pusaka dibahagikan kepada waris-waris yang berhak mengikut hukum faraid, bahagian harta sepencarian hendaklah diputuskan terlebih dahulu sekiranya ada tuntutan. Selepas tuntutan harta sepencarian diputuskan sama ada oleh mahkamah atau melalui persetujuan waris-waris, baharulah harta pusaka itu difaraidkan. Pembahagian harta sepencarian akan diputuskan oleh Mahkamah Syariah negeri-negeri.

Soalan 19:**Adakah wang simpanan KWSP², PERKESO³ dan Tabung Haji si mati perlu dibahagi menurut faraid?****Jawapan:**

Wang simpanan KWSP, PERKESO dan Tabung Haji merupakan harta peninggalan si mati yang perlu dibahagi menurut hukum faraid. Menurut fatwa oleh Majlis Muzakarah Fatwa Kebangsaan yang dikeluarkan pada 19 September 2000 berkaitan hukum wang simpanan KWSP, PERKESO dan seumpamanya, bahawa:

-
2. KWSP ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
 3. PERKESO ialah Pertubuhan Keselamatan Sosial

1. Wang KWSP dan wang simpanan oleh si mati adalah harta pusaka yang mesti dibahagi menurut faraid.
2. Penama KWSP adalah wasi atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagi wang KWSP (peninggalan si mati) mengikut hukum faraid.
3. Bahagian Undang-Undang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) hendaklah menasihatkan KWSP supaya menyemak semula peraturan dan undang-undang sedia ada berhubung dengan penamaan supaya selaras dengan hukum syarak.

Selain itu, fatwa Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Wilayah Persekutuan yang diwartakan pada 18 Januari 2001 memutuskan bahawa orang Islam yang dinamakan sebagai penama oleh si mati dalam apa-apa skim simpanan wang dalam mana-mana kumpulan wang simpanan, insurans, tabung, lembaga, syarikat kerjasama, koperasi atau institusi kewangan ialah wasi kepada si mati dan hendaklah membahagikan harta sepeninggalan kepada waris yang berhak mengikut pembahagian faraid.

Soalan 20:

Bolehkah wang KWSP⁴ dituntut sebagai harta sepencarian?

Jawapan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-67 yang bersidang pada 22 Feb 2005 telah memutuskan bahawa wang caruman KWSP tidak boleh dianggap sebagai harta sepencarian dan menetapkan wang tersebut sebagai harta pusaka yang perlu dibahagikan mengikut hukum faraid.

4. KWSP ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Soalan 21:

Bolehkah pembayaran wang KWSP diserahkan kepada ahli keluarga bukan Islam?

Jawapan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-61 yang bersidang pada 27 Jan 2004 telah memutuskan bahawa:

1. Mengikut hukum syarak, orang bukan Islam tidak berhak mewarisi harta orang Islam dan begitulah sebaliknya;
2. Jika seseorang bukan Islam memeluk Islam dan mempunyai simpanan KWSP dan telah menamakan penama orang bukan Islam maka hendaklah menukar penama tersebut kepada orang Islam. Jika tiada penama orang Islam dan tiada waris Islam yang berhak ke atas harta tersebut setelah beliau meninggal dunia maka wang KWSP hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.
3. Orang Islam boleh membuat wasiat kepada orang bukan Islam tidak melebihi 1/3 daripada hartanya.

Soalan 22:

Apakah hukum pewarisan harta pusaka yang tertakluk kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 seperti Rancangan FELDA⁵?

-
5. Rancangan FELDA berpandukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 iaitu apabila seseorang peneroka meninggal dunia, kawasan yang diperuntukkan kepadanya di rancangan hanya diturunkan kepada salah seorang sahaja daripada waris-warisnya sama ada di tahap peneroka belum mendapat geran (suratan) hak milik atau telah menerima geran (suratan) hak milik.

Jawapan:

Muzakarah Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-38, yang bersidang pada 21 Jun 1995 telah membincangkan berkaitan hukum perwarisan harta yang dilaksanakan di Rancangan FELDA yang tertakluk kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dan memutuskan bahawa:

1. Amalan yang dilaksanakan di Rancangan FELDA mengenai perwarisan harta yang berdasarkan Akta Tahun 1960 tersebut adalah tidak bertentangan dengan hukum syarak kerana persetujuan meletakkan satu penama itu dibuat atas persepakatan semua pihak yang terlibat.
2. Sekiranya tidak mendapat persetujuan waris-waris untuk melantik seseorang daripada mereka sebagai wakil maka:
 - a. Harta si mati hendaklah dijual.
 - b. Penjualan harta tersebut hendaklah diberi keutamaan kepada waris.
 - c. Hasil daripada penjualan harta tersebut hendaklah dibahagikan kepada waris mengikut faraid.
 - d. Jika harta si mati tidak habis dibahagikan kepada waris mengikut faraid maka lebihan pembahagian itu hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

Soalan 23:

Bolehkah suami/isteri sebagai penama KWSP atau seumpamanya mendapat kesemua wang daripada akaun apabila suami/isteri meninggal dunia kelak?

Jawapan:

Suami atau isteri sebagai penama tidak boleh mendapat kesemua wang tersebut. Menurut fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-49 pada 19 September 2000, penama bagi skim KWSP, wang simpanan pejabat pos, bank, koperasi dan simpanan-simpanan lain adalah merupakan pemegang amanah semua wang simpanan tersebut. Penama perlu melaksanakan wasiat si mati dan penama tidak boleh mewarisi kesemua harta tersebut tetapi dia mestilah membahagikan harta tersebut mengikut faraid.

Soalan 24:

Bolehkah keluarga bukan Islam menerima harta pusaka orang Islam?

Jawapan:

Keluarga bukan Islam tidak layak menerima harta pusaka si mati yang mana harta orang Islam tidak boleh diwarisi oleh keluarganya yang bukan Islam. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Orang Islam tidak boleh mewarisi harta orang kafir dan orang kafir tidak boleh mewarisi harta orang Islam.”

(Hadis Riwayat Muttafaqun’alaihi)

Soalan 25:**Siapakah yang berhak mewarisi harta pusaka muallaf⁶?****Jawapan:**

Sekiranya seorang muallaf meninggal dunia dalam keadaan dia tidak berkahwin dan tiada ahli keluarga asal yang memeluk agama Islam, maka Baitulmal berhak mewarisi harta si mati. Baitulmal akan mewarisi keseluruhan atau 1/1 bahagian dalam harta pusaka si mati. Namun, sekiranya seseorang muallaf yang telah meninggal dunia dan meninggalkan waris-waris yang beragama Islam, maka hartanya hendaklah dibahagikan kepada waris beragama Islam mengikut sistem pembahagian faraid.

Soalan 26:**Bagaimanakah cara orang Islam boleh memberikan hartanya kepada bekas isteri/suami dan anak-anak yang berlainan agama?****Jawapan:**

Seseorang individu Islam boleh memberikan harta yang dimiliki kepada bekas isteri/suami dan anak-anak yang berlainan agama melalui kaedah-kaedah berikut:

1. Kaedah wasiat

Seseorang individu Islam adalah diharuskan untuk berwasiat kepada bekas isteri dan anak-anak bukan Islam kerana mereka tidak menjadi waris nasab. Wasiat ialah pemberian atau sumbangan oleh seseorang kepada individu atau pihak

6. Muallaf dalam pengertian syariah ialah seseorang yang baharu memeluk agama Islam atau orang yang dijinakkan hatinya tertarik dengan Islam.

lain setelah dia meninggal dunia. Namun, kadar harta yang boleh diwasiatkan adalah tidak melebihi $\frac{1}{3}$ daripada keseluruhan harta sahaja.

2. Kaedah pemberian hibah

Pemberian hibah adalah pemberian harta milik pemberi semasa hidupnya dan berkuatkuasa semasa hidupnya. Hibah tertakluk pada syarat iaitu hendaklah pada harta yang milik sempurna sahaja dan perlu ada penerimaan yang berlaku ke atas harta itu. Selain itu, hibah boleh melangkaui daripada wasiat iaitu boleh diberikan kepada sesiapa sahaja sama ada waris atau bukan waris dan tiada had maksimum semasa pemberi hibah hidup.

Soalan 27:

Bolehkah bekas isteri menuntut hak terhadap harta pusaka si mati?

Jawapan:

Sekiranya si mati bercerai dengan bekas isteri sebelum mati, maka bekas isteri tidak boleh menuntut harta pusaka kerana bekas isteri tidak lagi dianggap sebagai waris yang layak. Namun, bagi isteri yang diceraikan dan suami mati ketika dalam tempoh masa *iddah*, isteri masih dianggap sebagai waris yang layak dan boleh mewarisi harta suami.

Soalan 28:

Bagaimana kaedah pembahagian harta pusaka bagi kematian serentak?

Jawapan:

Kaedah pembahagian harta pusaka bagi kematian serentak menurut Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83 yang bersidang pada 22 - 24 Oktober 2008, bahawa mana-mana ahli keluarga yang meninggal dunia secara serentak dalam kejadian yang sama atau sebaliknya dan tidak dapat ditentukan siapa yang mati terlebih dahulu, maka mereka tidak akan saling mewarisi antara satu sama lain. Ini kerana syarat-syarat perwarisan, waris (*al-warith*) hendaklah masih hidup semasa kematian orang yang mewariskan (*al-muwarriith*). Oleh itu, harta pusaka si mati akan dibahagikan kepada waris-waris yang hidup tanpa mengambil kira bahagian ahli keluarga yang mati bersamanya. Bagi merekodkan waktu kematian, perakuan pakar perubatan hendaklah diterima pakai dan dicatatkan dalam sijil kematian.

Soalan 29:

Apakah itu wasiat?

Jawapan:

Wasiat adalah pemberian secara sukarela kepada seseorang yang dilaksanakan setelah kematian pewasiat. Menurut Seksyen 2(1), Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (No. 4 1999), wasiat ialah ikrar seseorang yang dibuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan hukum syarak selepas kematiannya.

Wasiat diharuskan bagi mendekatkan seseorang hamba dengan Allah SWT supaya bertambah amal kebajikan dan bagi menampung kekurangan amalan yang tertinggal dan yang telah luput. Ia juga bertujuan membantu kaum kerabat yang dekat memperolehi sebahagian harta, mengeratkan silaturahim dan membantu golongan yang tidak berkemampuan.

Soalan 30:

Apakah syarat-syarat wasiat?

Jawapan:

Syarat-syarat wasiat adalah seperti berikut:

1. Orang yang berwasiat hendaklah baligh⁷, berakal dan melakukan wasiat dengan kerelaan sendiri.
2. Penerima wasiat bukan dalam kalangan waris-waris yang berhak menerima harta pusaka seperti ibu, isteri dan anak kandung.
3. Harta atau sesuatu barang yang diwasiatkan hendaklah halal.
4. Harta yang diwasiatkan itu tidak melebihi 1/3 daripada keseluruhan hartanya setelah ditolak belanja pengurusan kematian dan hutang jika ada. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Saad Bin Abu Waqqas yang bermaksud:

“Telah datang Rasulullah untuk melihatku di Makkah. Aku berkata: ‘Wahai Rasulullah, apakah harus mewasiatkan semua hartaku?’ Baginda menjawab: ‘Tidak’. Aku berkata: ‘Sebahagiannya?’ Baginda

7. Baligh dari sudut bahasa ertinya “akal sudah sampai” atau “kesampaian akal”. Maksud baligh ialah apabila seseorang lelaki atau perempuan telah sampai umur tertentu maka dia layak menerima tanggungjawab.

menjawab: 'Tidak'. Aku berkata: 'Sepertiga?' Baginda menjawab: 'Ya, sepertiga dan sepertiga itu banyak. Sesungguhnya apabila engkau meninggalkan ahli waris kaya itu lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka miskin, meminta-minta kepada manusia dengan tangan mereka'."

(Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Soalan 31:

Apakah perbezaan antara wasiat dengan hadiah?

Jawapan:

Wasiat adalah merupakan pemberian seseorang kepada orang lain ke atas harta untuk dimiliki oleh penerima wasiat selepas kematiannya. Manakala hadiah pula adalah pemberian kepada seseorang semasa dia hidup. Hadiah adalah dalam pelbagai bentuk sama ada wang, barangan, makanan dan sebagainya.

Soalan 32:

Apakah hukum berwasiat?

Jawapan:

Hukum berwasiat dibahagikan pada lima keadaan:

1. Wajib:

Hukum membuat wasiat adalah wajib untuk mewasiatkan sesuatu yang wajib dalam tanggungjawab pewasiat seperti nazar, hutang, fidyah dan lain-lain.

2. Sunat:

Hukum membuat wasiat adalah sunat untuk meninggalkan harta pada jalan kebajikan dan pemberian harta kepada kaum kerabat yang tidak menerima harta pusaka seperti anak angkat, keluarga bukan Islam dan lain-lain.

3. Harus:

Hukum berwasiat adalah harus untuk memberikan harta kepada golongan tertentu termasuklah kaum kerabat yang kaya.

4. Makruh:

Hukum mewasiatkan harta kepada tujuan yang makruh di sisi syarak seperti wasiat mendirikan binaan di atas tanah kubur.

5. Haram:

Hukum mewasiatkan harta kepada perkara-perkara yang ditegah oleh syarak adalah haram. Wasiat seperti ini terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan oleh ahli waris.

Soalan 33:

Bolehkah seseorang mewasiatkan seluruh hartanya kepada anak-anak dan isteri/suami?

Jawapan:

Wasiat tersebut tidak boleh dilaksanakan. Abu Umamah Al-Bahily RA berkata beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya Allah telah memberi hak kepada tiap-tiap yang berhak dan tidak ada wasiat untuk ahli waris."

(Hadis Riwayat Ahmad dan Imam Empat kecuali Nasa'i.

Hadis hasan menurut Ahmad dan Tirmidzi, dan dikuatkan oleh Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Al-Jarud)

Namun, pembahagian seluruh harta kepada anak-anak dan isteri/suami tersebut boleh dilaksanakan tertakluk pada persetujuan semua waris selepas kematian pewasiat. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud

"Tidak harus wasiat kepada waris kecuali diizinkan oleh waris yang lain".

(Hadis Riwayat Daruqutni daripada Ibnu Abas RA)

Soalan 34:

Bolehkah seseorang membuat wasiat tanpa pengetahuan isteri/suami?

Jawapan:

Boleh membuat wasiat tanpa pengetahuan waris. Namun, pelaksanaan pemberian dalam wasiat adalah tertakluk pada persetujuan waris faraid/waris fardu. Jika semua waris faraid/waris fardu bersetuju, maka wasiat tersebut boleh dilaksanakan dan harta tersebut boleh diberi kepada penama wasiat. Sekiranya tidak dipersetujui maka pembahagian harta pusaka akan diberi kepada waris faraid/waris fardu sahaja.

Soalan 35:**Bolehkah wakaf⁸ dimasukkan di dalam wasiat?****Jawapan:**

Menurut undang-undang Islam, seseorang boleh membuat wakaf di dalam wasiatnya tetapi wakaf tersebut tidak boleh dibuat untuk kepentingan waris-warisnya. Selain itu, wakaf hanya berkuat kuasa selepas kematian pewasiat.

Soalan 36:***Apa itu wasiat wajibah?*****Jawapan:**

Wasiat wajibah adalah wasiat untuk kaum kerabat terdekat yang tidak mendapatkan bahagian pusaka dan wasiat yang diwajibkan melalui kuat kuasa undang-undang. *Amalan wasiat wajibah* adalah amalan popular di Mesir dan Syria. Di Malaysia, hanya negeri Selangor sahaja yang mempunyai *Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999* dan peruntukan mengenai *wasiat wajibah*.

8. *Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) no.7 1999* menyatakan bahawa wakaf ertinya menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faeadahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut hukum syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949.

Soalan 37:**Siapakah yang berhak mendapat *wasiat wajibah*?****Jawapan:**

Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) No: 4 Bahagian VIII memperuntukkan bahawa orang-orang yang berhak mendapat *wasiat wajibah* adalah seperti berikut:

1. Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelaki yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucunya itu hendaklah berhak terhadap satu pertiga wasiat dan sekiranya cucu itu diberi dengan kadar yang kurang daripada satu pertiga, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar *wasiat wajibah* yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.
2. Kadar *wasiat wajibah* untuk kanak-kanak yang disebut dalam subsyeksyen (1) hendaklah setakat kadar di mana ayahnya berhak daripada harta pusaka datuknya sekiranya diandaikan ayahnya itu mati selepas kematian datuknya; dengan syarat wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka si mati.
3. Kanak-kanak tersebut hendaklah tidak berhak kepada wasiat sekiranya dia telah mewarisi daripada datuk atau neneknya, mengikut mana berkenaan, atau datuk atau neneknya semasa hayatnya, dan tanpa menerima apa-apa balasan, telah membuat wasiat kepada mereka atau telah memberi kepada harta yang bersamaan dengan apa yang mereka sepatutnya menerima menurut *wasiat wajibah*; dengan syarat sekiranya wasiat yang dibuat oleh datuk atau nenek itu kurang daripada bahagian yang sepatutnya dia berhak, haknya hendaklah ditambah sewajarnya dan jika bahagian tersebut adalah melebihi bahagian yang dia berhak, bahagian yang

lebih itu hendaklah menjadi wasiat sukarela dengan tertakluk pada persetujuan waris.

Soalan 38:

Apakah keputusan fatwa berkaitan pelaksanaan *wasiat wajibah*?

Jawapan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang kali ke-83, pada 18-24 Oktober 2008, telah membincangkan hukum pelaksanaan *wasiat wajibah* dan telah memutuskan bahawa:

Pelaksanaan *wasiat wajibah* adalah harus dalam kes di mana seorang anak yang bapa atau ibunya mati terlebih dahulu daripada datuk atau neneknya atau bapa dan ibunya mati secara serentak bersama-sama datuk atau neneknya maka anak tersebut layak untuk menerima *wasiat wajibah* dengan mengambil bahagian faraid bapa atau ibunya pada kadar tidak melebihi $\frac{1}{3}$ daripada harta pusaka datuk atau neneknya. Sekiranya bahagian ibu atau bapa ialah $\frac{1}{3}$ atau kurang daripada $\frac{1}{3}$ maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut.

Jawatankuasa fatwa juga memutuskan bahawa sekiranya bahagian tersebut melebihi $\frac{1}{3}$ maka hendaklah dikurangkan pada kadar $\frac{1}{3}$ setelah mana mengikut syarat-syarat seperti berikut:

1. Anak lelaki dan perempuan daripada anak lelaki dan anak perempuan (cucu) ke bawah adalah layak untuk menerima *wasiat wajibah*.
2. Hendaklah kedua ibu bapa mereka meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek, atau ibu atau bapa

meninggal dunia serentak dengan datuk atau nenek dalam kejadian yang sama atau berlainan.

3. Cucu lelaki atau perempuan bukan merupakan waris kepada harta pusaka datuk. Sekiranya mereka merupakan waris ke atas harta pusaka secara *fardu* atau *ta'sib* maka mereka tidak layak untuk mendapat *wasiat wajibah* walaupun bahagiannya sedikit berbanding *wasiat wajibah*.
4. Sekiranya anak lelaki atau anak perempuan berlainan agama dengan ibu atau bapa, atau terlibat dengan pembunuhan ibu atau bapa, maka dia tidak berhak untuk mendapat *wasiat wajibah* daripada harta pusaka datuk.
5. Sekiranya datuk atau nenek telah memberikan harta kepada cucu melalui hibah, wakaf, wasiat dan sebagainya dengan kadar yang sepatutnya diterima oleh anak lelaki atau anak perempuan sekiranya mereka masih hidup, maka cucu tidak lagi berhak untuk mendapat *wasiat wajibah*. Sekiranya pemberian tersebut adalah kurang daripada hak yang sepatutnya diterima oleh cucu daripada bahagian anak lelaki atau anak perempuan, maka hendaklah disempurnakan bahagian tersebut.
6. Anak akan mengambil bahagian faraid bapa atau ibu yang meninggal dunia terlebih dahulu daripada datuk atau nenek dan kadar tersebut hendaklah tidak melebihi kadar $\frac{1}{3}$ daripada nilai harta pusaka. Sekiranya bahagian tersebut adalah $\frac{1}{3}$ atau kurang daripada $\frac{1}{3}$, maka pembahagian tersebut hendaklah dilaksanakan pada kadar tersebut. Sekiranya bahagian tersebut melebihi $\frac{1}{3}$ maka hendaklah dikurangkan pada kadar $\frac{1}{3}$ melainkan setelah mendapat persetujuan ahli-ahli waris yang lain.

7. Pembahagian *wasiat wajibah* boleh dilaksanakan setelah didahulukan urusan berkaitan mayat, *wasiat ikhtiyariah* dan hutang piutang.
8. Pembahagian *wasiat wajibah* kepada cucu-cucu yang berhak adalah berdasarkan kepada prinsip faraid iaitu seorang lelaki menerima bahagian dua orang perempuan.

Soalan 39:

Bolehkah Baitulmal dilantik sebagai wasi kepada wasiat orang Islam?

Jawapan:

Di Selangor, seseorang boleh melantik Baitulmal, Majlis Agama Islam sebagai wasi kepada sesuatu wasiat. Kelebihan melantik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai wasi adalah seperti berikut:

1. Merupakan institusi yang kekal dan berterusan

MAIS adalah pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun sebagai mana yang diperuntukkan dalam *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003*. Selain itu, kakitangan yang arif dalam bidang undang-undang sentiasa memastikan kesinambungan dalam proses pentadbiran hingga pembahagian harta yang terakhir.

2. Memainkan peranan secara bertanggungjawab dan adil

MAIS adalah badan berkanun di bawah undang-undang. Selain itu, MAIS merupakan sebuah badan bebas dan adil kepada semua benefisiari berbanding wasi atau pemegang amanah individu.

3. Mengamalkan profesionalisme dan mempunyai kemampuan

MAIS mengurus wasiat secara profesional dan berkemampuan dalam menjalankan keseluruhan pentadbiran pada kos yang berpatutan.

4. Mempercepatkan proses undang-undang

Pengurusan wasiat dapat dipermudahkan dan dijalankan dengan lancar kerana MAIS adalah sebuah badan yang diiktiraf oleh undang-undang.

Soalan 40:

Apa itu hibah?

Jawapan:

Hibah adalah suatu akad yang mengandungi pemberian milik seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan. Hibah diberi atas dasar kasih sayang sesama manusia dengan melupuskan hak atau sesuatu harta kepada orang atau pihak lain semasa hayatnya dan berkuat kuasa pemberian itu setelah penerima menerima harta yang diberikan itu.

Hibah boleh diberi kepada ahli keluarga (waris) atau bukan ahli keluarga, termasuk juga kepada bukan Islam. Islam tidak menetapkan kadar atau had tertentu bagi harta yang hendak dihibahkan. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Saling memberi hadiahlah kamu sekalian, agar kalian saling mencintai."

(Hadis Riwayat Bukhari)

Soalan 41:

Adakah hibah boleh dibuat semasa seseorang menghadapi penyakit yang membawa kematian?

Jawapan:

Hibah boleh dibuat semasa seseorang menghadapi *marad al-maut*⁹ (penyakit yang boleh membawa kematian). Namun, ia tertakluk pada perkara-perkara berikut:

1. Pemberian hibah tidak melebihi 1/3 harta si mati.
2. Pemberian tidak diperuntukkan untuk ahli waris kecuali dipersetujui oleh ahli waris yang lain.
3. Tidak sah bagi pemberi hibah yang banyak hutang.
4. Hibah perlu berkuat kuasa serta merta.¹⁰

9. Perkara 1595 Al Majallah menyebut bahawa syarat-syarat bagi menentukan *marad al-maut* ialah: (i) Penyakit itu yang menyebabkan kematian kepada si mati (ii) Penyakit itu boleh menyebabkan kematian mengejut (kecemasan) dalam fikiran si mati. (iii) Terdapat tanda-tanda luar yang menunjukkan bahawa penyakit itu berat (tenat/kronik). Selain itu, *marad al-maut* mempunyai ciri-ciri seperti berikut; (i) Sesuatu penyakit itu yang menyebabkan kematian. (ii) Kematian yang diakibatkan oleh sesuatu penyakit itu berlaku dalam masa satu tahun atau selepas masa satu tahun (dalam keadaan penyakit itu bertambah berat sama ada pesakit terlantar atas katil atau sebaliknya). (iii) Sesuatu penyakit itu boleh menyebabkan pesakit melupakan dan mengabaikan segala kepentingan yang bersifat keduniaan.

10. Perkara 837 daripada Al Majallah menyebutkan bahawa, “sesuatu pemberian dapat berkuat kuasa dengan ijab dan qabul dan disempurnakan dengan penerimaan serahan.”

Soalan 42:**Apakah Jenis-jenis hibah?****Jawapan:**

Terdapat dua jenis hibah iaitu:

1. Hibah biasa

Melibatkan pertukaran hak milik secara terus. Pemilikan telah berpindah kepada benefisiari serta merta.

2. Hibah bersyarat.

Hibah bersyarat atau hibah dalam bentuk *Al-'Umra* dan *Al-Ruqba*.

- i. Hibah *Al-'Umra*

Umra diambil daripada perkataan "*umrun*" iaitu hidup. *Al-'Umra* bermaksud pemberian semasa tempoh hidup penerima hibah atau pemberi hibah, yang mana syaratnya ialah harta tersebut dikembalikan kepada pemberi hibah setelah kematian penerima hibah. Hibah *Al-'Umra* juga bermaksud suatu pemberian yang bersifat sementara yang merujuk pada hayat salah seorang sama ada pemberi hibah atau penerima hibah. Sekiranya penerima hibah meninggal dunia terlebih dahulu maka harta yang dihibahkan itu dikembalikan kepada pemberi hibah. Sekiranya, pemberi hibah meninggal dunia maka harta hibah dikembalikan kepada waris pemberi hibah.

- ii. Hibah *Al-Ruqba*

Ruqba pula diambil daripada perkataan "*muraqabatun*"

yang bererti berintip-intipan. *Al-Ruqba* bermaksud pemberian dengan syarat bahawa kematian salah satu pihak sama ada pemberi hibah atau penerima hibah sebagai syarat pemilikan kepada salah satu pihak yang hidup. *Al-Ruqba* juga bermaksud suatu pemberian yang bersyarat yang telah ditetapkan oleh pemberi hibah. Sekiranya pemberi hibah meninggal dunia dahulu maka harta hibah menjadi milik penerima hibah. Sebaliknya, jika penerima hibah meninggal dunia sebelum pemberi hibah maka harta hibah tersebut kembali kepada pemberi hibah.

Soalan 43:

Apakah rukun hibah?

Jawapan:

Sesuatu akad hibah tidak akan terbentuk melainkan rukun hibah dipenuhi. Rukun hibah adalah seperti berikut:

1. Orang yang memberi hibah.
2. Orang yang menerima hibah.
3. Benda yang dihibah.
4. *Sighah* (ijab dan qabul¹¹)

11. Ijab dan qabul berupa perkataan atau perbuatan pemberian dan penerimaan hibah seperti lafaz atau pemberian dan yang seumpama dengannya.

Soalan 44:

Apakah perbezaan antara hibah dengan wasiat?

Jawapan:

Hibah adalah pemberian atas dasar kasih sayang sesama manusia dengan melupuskan hak atau sesuatu harta oleh pemberi hibah kepada penerima hibah (orang atau pihak lain) semasa hayatnya. Hibah berkuat kuasa setelah penerima menerima harta yang diberikan itu. Seseorang boleh menghibahkan hartanya kepada waris atau orang lain semasa dia masih hidup dan jumlahnya tidak terhad.

Wasiat pula adalah pemberian secara sukarela kepada seseorang yang dilaksanakan setelah kematian pewasiat. Menurut Seksyen 2(1), *Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (No. 4 1999)*, wasiat ialah ikrar seseorang yang dibuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan hukum syarak, selepas dia mati. Kadar yang boleh diwasiatkan hanya terhad kepada satu pertiga daripada keseluruhan harta dan pemberi wasiat tidak boleh mewasiatkan harta kepada waris yang berhak menerima pusaka kecuali dengan persetujuan waris lain.

Soalan 45:

Bolehkan seseorang menghibahkan hartanya kepada anak-anak?

Jawapan:

Seseorang boleh menghibahkan hartanya kepada anak-anak atau kepada sesiapa yang ia kehendaki. Hukum memberi hibah adalah harus ketika ia sihat dan berakal waras tanpa berniat menganiayai

waris-warisnya. Sekiranya seseorang menghibahkan harta kepada anak-anak, dia wajib berlaku adil kepada semua anak-anak tanpa mengecualikan seorang pun daripada mereka. Ini sebagaimana terdapat dalam sebuah hadis di dalam Sahih Imam Al-Bukhari riwayat daripada An-Nukman Bin Basyir yang menceritakan bahawa bapanya memberi kepadanya satu pemberian, lalu ia berjumpa Nabi supaya Nabi menjadi saksi terhadap pemberian tersebut. Maka Nabi bertanya kepadanya; *“Adakah semua anak-anak kamu, kamu berikan pemberian yang sama?”*. Jawab bapaku; *‘Tidak’*. Lantas Nabi berkata; *‘Bertakwalah kepada Allah SWT dan berlaku adillah sesama anak-anak kamu.’* Lalu bapaku pulang dan mengambil kembali pemberian tersebut.”

(Hadis Riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim)

Dalam riwayat yang lain pula, Nabi SAW bersabda;

“Takutlah kamu akan berbuat zalim! Kerana perbuatan zalim itu menyebabkan kegelapan di hari kiamat.”

(Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan hadis tersebut, pemberian hibah kepada anak-anak dituntut dilakukan sama rata dan tanpa pilih kasih termasuk antara lelaki dan perempuan.

Terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ulama berkaitan menghibahkan harta kepada anak dengan cara pilih kasih iaitu:

1. Menurut sebahagian ulama di antaranya As-Sauri, Imam Ahmad dan Daud Az-Zahiri menyatakan bahawa hibah secara memilih kasih adalah haram, tidak sah (batal) dan wajib ditarik kembali.
2. Mengikut pandangan Imam Ahmad perkara ini dikecualikan, sekiranya keadaan tertentu seperti ada anak yang kurang

upaya, ketika itu harus ia dilebihkan daripada anak-anak yang lain.

3. Menurut Mazhab Imam Abu Hanifah, Malik dan Syafie berkaitan hibah secara memilih kasih adalah makruh (tidak haram) dan ia adalah sah (tidak batal dan tidak wajib ditarik kembali). Hanya disunatkan supaya bapa mengambil kembali hibah tersebut dan membahaginya sama rata kepada semua anak-anaknya.

Soalan 46:

Bolehkah hibah dibuat secara lisan?

Jawapan:

Hibah boleh dibuat secara lisan, namun digalakkan dibuat secara bertulis, menerusi khidmat MAIS atau peguam syarie bertaualiah, supaya dokumen itu tidak bertentangan dengan hukum syarak dan undang-undang. Hibah secara bertulis yang sempat dilaksanakan semasa pemberi hibah masih hidup mungkin tidak mendatangkan masalah. Namun, kebiasaannya isu mengenai hibah timbul selepas pemberi hibah mati dan hibah tidak dibuat secara bertulis. Sekiranya ini berlaku, pengesahan status hibah perlu dibuat di Mahkamah Syariah. Masalah yang mungkin timbul adalah saksi tidak cukup atau sudah meninggal dunia atau tidak konsisten.

Soalan 47:**Bolehkah hibah ditarik balik?****Jawapan:**

Seseorang tidak dibenarkan untuk menarik balik hibah apabila hibah telah diterima oleh penerima hibah. Walaubagaimanapun, bagi ibu bapa dan ahli keluarga berpangkat ke atas mempunyai hak untuk menarik balik hibah kepada anak cucu dan ahli keluarga berpangkat ke bawah. Ini berasaskan dalil daripada Ibnu Abbas dan Ibnu Umar RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

“Tidak dibenarkan bagi seseorang yang telah memberikan sesuatu pemberian kemudian menarik kembali pemberian tersebut melainkan ibu bapa yang memberikan kepada anaknya. Misal bagi orang yang menarik kembali pemberiannya adalah seperti seekor anjing yang makan sesuatu, dan kemudian apabila ia lapar, ia memuntahkan kembali makanan tersebut lalu memakannya semula.”

(Hadis Riwayat Abu Dawud, An-Nasa'i dan Ibnu Majah)

Soalan 48:**Apa itu harta *luqatah*?****Jawapan:**

Takrif *luqatah* bagi Mazhab Syafi'ie (Ar-Rimli, Nihayah: 5/427), *“benda terhormat (bernilai) yang tidak terpelihara dan si penemunya tidak tahu pemiliknya.”* Manakala takrifan Hanbaliyah (Al-Mughny: 5/630) pula, *“harta yg hilang daripada pemiliknya dan kemudian dipungut oleh orang lain.”*

Luqatah adalah harta ataupun barang yang dijumpai di suatu tempat yang tidak dimiliki, tidak diketahui pemiliknya, tiada tanda dalam jagaan seseorang atau tidak berada di tempat yang lazimnya harta atau barang itu berada, sama ada ia hilang daripada pemiliknya disebabkan tercicir ataupun terlupa. Barang atau harta tersebut ditemui di jalanan, dalam masjid, rumah kosong atau seumpama dengannya.

Soalan 49:

Bagaimanakah pengurusan pelaksanaan dan pelupusan harta *luqatah* di Selangor?

Jawapan:

Fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 31 Mac 2011 menyatakan bahawa pengurusan pelaksanaan dan pelupusan harta *luqatah* di Selangor adalah tertakluk pada syarat-syarat berikut:

1. Setiap harta *luqatah* yang diterima atau dijumpai hendaklah dilaksanakan proses hebahan selama satu tahun. Sekiranya telah tamat tempoh selama satu tahun, dan tiada pihak yang menuntut, maka bolehlah dilupuskan harta *luqatah* tersebut secara lelongan dan hasil daripada lelongan itu dimasukkan ke dalam Baitulmal.
2. Harta *luqatah* yang tidak mendatangkan manfaat hendaklah disimpan di tempat yang selamat.
3. Harta *luqatah* tersebut, sama ada masih kekal atau telah dilelong atau telah dicairkan, pemiliknya berhak menuntut walau pun telah tamat tempoh hebahannya. Pihak MAIS hendaklah memulangkan semula sekiranya harta tersebut

masih ada atau berdasarkan nilai barang (mengikut nilai semasa) jika ia telah dilelong atau dicairkan.

4. Pemungut atau pemegang amanah harta *luqatah* harus mengenakan caj perkhidmatan yang munasabah kepada pemilik harta *luqatah* tersebut, sekiranya pemilik hadir untuk memungut harta tersebut.
5. Harta *luqatah* tersebut harus diserahkan kepada Baitulmal sebagai pemegang amanah. Harta *luqatah wajib* diserahkan kepada Baitulmal apabila tiada individu atau agensi yang sanggup menjadi pemegang amanah.
6. Harta *luqatah* tersebut menjadi milik sepenuhnya kepada pemegang amanah atau pemungut untuk dimanfaatkan kepada perkara yang tidak bercanggah dengan syarak dan ada kemaslahatan kepada umat Islam.

Soalan 50:

Apa itu zakat?

Jawapan:

Zakat dari segi bahasa maksudnya bersih, suci, subur, berkat, dan berkembang. Manakala, pengertian "bersih" dan "suci" dalam istilah zakat adalah membersihkan harta dan membersihkan diri golongan kaya daripada bersifat kedekut dan bakhil. Manakala zakat dari segi syarak pula adalah mengeluarkan sebahagian daripada harta tertentu untuk diberikan kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya setelah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak.

Soalan 51:

Apakah dalil daripada Al-Qur'an dan Al-Hadis mengenai kewajiban berzakat?

Jawapan:

Kewajiban menunaikan zakat banyak disebutkan di dalam Al-Qur'an, antaranya adalah:

1. Surah Al-Baqarah, ayat 43:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

Maksudnya:

"Dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat dan rukuklah bersama dengan orang yang rukuk."

2. Surah At-Taubah, ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya:

"Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan doakanlah mereka kerana sesungguhnya doamu dapat memberikan ketenangan bagi mereka. Dan Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

Antara hadis yang menjelaskan mengenai kewajiban berzakat adalah hadis diriwayatkan oleh Ibnu Abbas RA bahawa Nabi SAW bersabda:

“Sesungguhnya Allah telah mewajibkan mereka zakat dari harta mereka yang diambil dari orang-orang kaya di antara mereka dan dibagikan kepada orang-orang fakir di antara mereka.”

(Hadis Riwayat Muttafaq Alaihi dan lafaznya menurut Bukhari)

Kesimpulannya, berdasarkan ayat Al-Qur'an dan Al-Hadis, Allah SWT telah memerintahkan umat Islam untuk mengeluarkan zakat melalui sebahagian kecil daripada harta untuk membersihkan dan menyucikan harta mereka dengan zakat. Maka adalah menjadi kewajiban umat Islam untuk mematuhi perintah tersebut.

Soalan 52:

Apakah syarat-syarat wajib zakat?

Jawapan:

Syarat-syarat wajib zakat adalah seperti berikut:

1. Islam: Zakat hanya diwajibkan ke atas orang Islam.
2. Merdeka: Hamba abdi tidak wajib berzakat kecuali zakat fitrah. Walaupun tidak timbul masalah perhambaan pada masa kini tetapi syarat merdeka masih lagi dikekalkan sebagai salah satu syarat wajib.
3. Sempurna milik: Sempurna milik bermaksud harta tersebut dimiliki dan dikawal sempurna oleh seorang Islam yang merdeka. Bagi harta yang dikongsi antara orang Islam dengan

orang bukan Islam, hanya bahagian orang Islam sahaja yang diambil kira dalam pengiraan zakat.

4. Cukup nisab: Nisab adalah had nilai minimum yang menentukan sama ada wajib atau tidak sesuatu harta dikeluarkan zakat. Pada ketika ini di Malaysia, nisab ditentukan berdasarkan nilai emas semasa iaitu 20 *mithqal* bersamaan dengan 85 gram emas atau 595 gram perak.
5. Cukup haul: Genap setahun harta itu disimpan iaitu 345 hari tahun Hijrah dan 365 hari bagi tahun Masehi. Berhubung zakat pendapatan, jangkamasa setahun merupakan jangkamasa menggabungkan hasil-hasil pendapatan bagi pengiraan zakat pendapatan.
6. Harta daripada usaha yang baik: Para fuqaha' merangkumkan semua pendapatan dan penggajian sebagai "*mal mustafad*" iaitu perolehan baharu yang termasuk dalam taksiran sumber harta yang dikenakan zakat.

Soalan 53:

Apakah jenis-jenis zakat?

Jawapan:

Terdapat dua jenis zakat iaitu:

1. Zakat Fitrah

Zakat fitrah adalah zakat yang diwajibkan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan Muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang tertentu.

2. Zakat Harta

Zakat harta adalah zakat ke atas segala harta benda milik seseorang individu Muslim yang mana kadar zakat yang dikenakan adalah 2.5% daripada jumlah harta. Antara jenis-jenis zakat harta adalah zakat perniagaan, zakat KWSP, zakat saham, zakat tanaman, zakat simpanan, zakat ternakan serta zakat emas dan perak. Zakat harta boleh dibayar pada bila-bila masa apabila cukup haul. Zakat harta wajib dikeluarkan sebagai satu jalan jihad kepada Allah SWT dan Islam.

Soalan 54:

Apakah syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat fitrah?

Jawapan:

Syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat fitrah adalah:

1. Individu yang mempunyai lebih makanan atau hartanya daripada keperluan diri dan tanggungannya pada satu Syawal.
2. Anak yang lahir sebelum matahari terbenam pada akhir bulan Ramadan dan hidup selepas terbenam matahari akhir bulan Ramadan
3. Seseorang yang meninggal dunia selepas terbenamnya matahari akhir bulan Ramadan.
4. Seseorang yang menganut Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadan dan berkekalan Islamnya sehingga awal bulan Syawal.

Soalan 55:

Apakah sandaran atas penetapan kadar zakat pendapatan sebanyak 2.5%?

Jawapan:

Kadar zakat pendapatan sebanyak 2.5% adalah berpandukan pada kadar zakat emas. Sayidina Ali RA telah meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW telah bersabda yang bermaksud:

“Apabila kamu mempunyai 200 dirham dan telah cukup haul (genap setahun) diwajibkan zakatnya lima dirham dan tidak diwajibkan mengeluarkan zakat (emas) kecuali kamu mempunyai 20 dinar. Apabila kamu mempunyai 20 dinar dan telah cukup haulnya, diwajibkan zakatnya setengah dinar. Demikian juga kadarnya jika nilainya bertambah dan tidak diwajibkan zakat bagi sesuatu harta kecuali genap setahun.”

(Hadis Riwayat Abu Daud)

Soalan 56:

Apakah yang dimaksudkan dengan zakat perniagaan dan bagaimanakah kaedah pengiraannya?

Jawapan:

Zakat perniagaan adalah zakat yang dikeluarkan daripada hasil perniagaan sama ada berasaskan pembuatan, perlombongan, perikanan, perkapalan, pembekalan, pertanian, perkhidmatan atau sebagainya dengan tujuan untuk diperniagakan. Ia juga untuk perniagaan persendirian (tunggal), perkongsian, syarikat berhad, syarikat sendirian berhad, koperasi dan persatuan yang genap setahun operasi perniagaan dan cukup haulnya.

Terdapat dua kaedah pengiraan zakat perniagaan di Selangor yang diguna pakai oleh Lembaga Zakat Selangor:

1. Kaedah Model Berkembang (*Growth Model*)

Kaedah ini mengambil kira ekuiti pemilik entiti perniagaan tersebut, sumber-sumber pembiayaan kewangan dan dibuat pelarasan sama ada dicampur atau sebaliknya. (Modal dicampur dengan keuntungan).

$$\text{Ekuiti Pemilik}^{12} + \text{Liabiliti}^{13} \text{ Jangka Panjang} - \text{Aset Tetap}^{14} - \text{Aset Bukan Semasa} + / - \text{Pelarasan}^{15} = \text{Harta Perniagaan Yang Tertakluk Kepada Pengiraan Zakat}$$

Sumber: Lembaga Zakat Selangor

2. Kaedah Modal Kerja (*Working Capital*)

Kaedah ini mengambil kira kedudukan harta semasa perniagaan, ditolak dengan tanggungan semasa perniagaan dan dibuat pelarasan dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan zakat yang perlu diambil kira. Pelarasan ini dibuat sama ada dengan mencampurkan item-item yang telah dikenal pasti perlu ditambah atau dibuat tolakan.

-
12. Ekuiti ialah Pelaburan (modal) pemilik yang dilaburkan dalam perniagaan.
 13. Liabiliti adalah tanggungan yang wujud daripada: (i) Transaksi pembelian barangan secara kredit; (ii) Mendapatkan perkhidmatan secara kredit; (iii) Lebihan penerimaan; atau (iv) Pembiayaan/pinjaman kewangan.
 14. Aset ialah harta.
 15. Pelarasan ialah catatan yang dibuat untuk menentukan semua maklumat berkaitan sesuatu tempoh perakaunan hanya mengambil kira urusan niaga bagi tempoh tersebut.

Aset Semasa - Liabiliti Semasa +/- Pelarasan = Harta Perniagaan Yang Tertakluk
Kepada Pengiraan Zakat

Sumber: Lembaga Zakat Selangor

Pelarasan dalam Pengiraan

Berdasarkan pengiraan yang disediakan oleh LZS¹⁶, pelarasan yang terlibat dalam pengiraan di atas adalah seperti berikut:

1. Ditolak daripada aset semasa

- i. Barang tidak wajib zakat. Contoh, barang-barang dan hasil daripada sumber yang haram seperti riba dan judi.
- ii. Bukan milik sempurna. Contoh, bayaran deposit seperti bayaran deposit air, elektrik dan telefon.
- iii. Si penghutang¹⁷ kewangan iaitu wang yang dipinjamkan kepada peminjam berdasarkan ciri-ciri milikan sempurna aset yang mana ia telah berpindah kepada peminjam.
- iv. Tiada item yang dikenakan cukai dua kali iaitu nilai dividen yang sudah dibayar zakat oleh syarikat yang dilaburkan.
- v. Aset tidak produktif iaitu hutang lapuk dan stok lupus.
- vi. Tabung kebajikan iaitu seperti tabung khairat, pendidikan dan tabungan-tabungan lain yang terdapat

16. LZS ialah Lembaga Zakat Selangor.

17. Penghutang ialah orang yang meminjam wang atau terhutang kepada syarikat atau perniagaan.

dalam aset semasa. Walau bagaimanapun tabung yang bersifat pusingan seperti pinjaman *qardhul hasan* bukan merupakan tabung kebajikan.

- vii. Stok atau inventori berupa stok bahan mentah serta kerja dalam pelaksanaan tidak diambil kira.

2. Ditambah kepada tanggungan liabiliti semasa

Liabiliti semasa yang bersifat operasi iaitu pemiutang¹⁸ perdagangan (*trade creditors*), kos operasi (seperti gaji, elektrik dan sebagainya) dan cukai.

Soalan 57:

Apakah yang dimaksudkan dengan zakat kumpulan wang simpanan pekerja (KWSP) dan bagaimanakah cara pengiraannya?

Jawapan:

Zakat KWSP adalah zakat ke atas caruman wang simpanan pekerja dan majikan ke dalam KWSP, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), atau seumpamanya.

Terdapat dua pandangan berkaitan zakat KWSP iaitu:

1. Milik Sempurna

Zakat hanya wajib dikeluarkan ketika pencazum mengeluarkan wang tersebut (sama ada ketika bersara atau membeli rumah). Kadarnya ialah 2.5%.

18. Pemiutang ialah individu atau institut yang memberi pinjaman

Nilai zakat = Jumlah wang caruman yang dikeluarkan X 2.5%

(Catatan : LZS mengambil pandangan ini dalam pengiraan zakat atas KWSP di Selangor)

2. Milik Tidak Sempurna

Caruman pekerja (tidak termasuk caruman majikan) yang tersimpan di dalam KWSP dikenakan zakat apabila cukup nisab dan haul. Ini bermakna zakat dikeluarkan setiap tahun apabila memenuhi syarat-syarat walaupun wang tersebut masih berada di dalam tabung KWSP. Kadar zakatnya adalah 2.5%.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bertarikh 30 Ogos 2001 menyatakan bahawa pencarum KWSP digalakkan mengeluarkan zakat sejurus menerima atau mengeluarkan wang KWSP tersebut jika cukup nisabnya tanpa menunggu haul. Ini kerana dikhuatiri wang KWSP akan habis digunakan oleh pencarum atau bakinya berkurang daripada nisab untuk dizakatkan sekiranya pencarum menunggu setahun. Zakat KWSP wajib dikeluarkan dengan kadar 2.5% apabila wang caruman dikeluarkan atau mengeluarkan sebahagian daripada caruman berikut. Ini selaras dengan anjuran Islam sepertimana firman Allah SWT:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيًا ۖ فَاسْتَغِثُوا الْخَيْرَاتِ ۚ إِنَّمَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ
 اللَّهُ جَمِيعًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya:

"Maka berlumba-lumbalah kamu dalam membuat amal kebaikan."

(Al-Baqarah; 2 : 148)

Soalan 58:

Apakah yang dimaksudkan dengan zakat saham dan bagaimanakah cara pengiraannya?

Jawapan:

Zakat saham adalah zakat yang dikeluarkan ke atas pelaburan saham yang telah genap setahun (haulnya) dan cukup nisabnya. Saham adalah wang yang dilaburkan dalam syarikat atau perniagaan.

Pemilik saham adalah pemilik syarikat yang berkongsi keuntungan atau kerugian sesebuah syarikat. Prestasi sesebuah perniagaan biasanya boleh diukur melalui dividen yang diagihkan dan harga atau nilai saham seperti tersenarai di pasaran saham.

Syarat wajib zakat saham adalah seperti berikut:

1. Islam - diwajibkan kepada pemilik Muslim sahaja.
2. Milik sempurna - mempunyai kuasa menjual dan memperolehi manfaat daripada portfolio saham atau pelaburan.
3. Milik pihak tertentu - tidak diwajibkan zakat ke atas saham atau pelaburan yang dimiliki masjid, surau, simpanan atau pelaburan untuk masalah am dan seumpamanya.
4. Cukup nisab - nisab bagi portfolio pelaburan adalah nilai yang sama atau 85 gram emas (20 *mithqal*). Ia diwajibkan zakat apabila nilai portfolio pelaburan bersamaan atau melebihi nisab.
5. Cukup haul - haul bagi saham dan pelaburan lain hendaklah genap tempoh satu tahun pemilikan portfolio pelaburan.

6. Halal - Saham yang diterbitkan untuk operasi perniagaan yang berteraskan halal.

Kaedah pengiraan zakat saham adalah seperti berikut:

1. 2.5% daripada nilai terendah saham-saham yang dimiliki setahun setelah ditolak pinjaman membeli saham.
2. Sekiranya nilai terendah sukar ditentukan, nilai pada awal tahun atau pada akhir tahun, mana yang lebih rendah hendaklah digunakan.
3. Jika tempoh pemilikan sesuatu saham tidak genap setahun, tetapi secara keseluruhan harta tersebut bertukar bentuk beberapa kali sepanjang tahun dari saham ke wang tunai dan sebaliknya, maka nilai terendah campuran wang dan saham-saham tersebut hendaklah digunakan sebagai asas mengira zakat dan didarab dengan 2.5%.
4. Bagi saham-saham syarikat yang disyaratkan untuk dimiliki dan dikuasai oleh seseorang pelabur atau usahawan Muslim secara jangka panjang dalam sesebuah syarikat, maka bayaran zakat sahamnya wajarlah berasaskan perkiraan yang tidak menjejaskan kepentingan orang Islam yang menguasai syarikat tersebut.

Soalan 59:

Apakah yang dimaksudkan dengan zakat wang simpanan dan bagaimanakah cara pengiraannya?

Jawapan:

Zakat wang simpanan adalah zakat yang dikeluarkan oleh pendeposit daripada simpanan yang telah genap setahun dan

cukup nisabnya sama ada di dalam akaun simpanan biasa, akaun simpanan tetap, simpanan semasa serta bentuk simpanan yang lain. Nisab zakat wang simpanan adalah berdasarkan nilai semasa bagi nisab emas 20 *mithqal* (85 gram) atau perak (595 gram).

Kaedah pengiraan zakat wang simpanan adalah seperti berikut:

1. Simpanan Tetap

Apabila sesuatu simpanan tetap itu telah genap setahun dan jumlahnya melebihi daripada paras nisab (nilai 85 gram emas), maka wajib dikeluarkan zakat sebanyak 2.5% daripada jumlah wang simpanan tersebut.

2. Simpanan Biasa

Ia dikira berdasarkan pada jumlah baki terendah atau berakhir haul bagi simpanan tersebut.

3. Simpanan Dalam Satu Akaun

Jika sesuatu simpanan itu telah genap setahun dan baki terendahnya (setelah ditolak faedah yang ada dalam tempoh tersebut) adalah melebihi paras nisab, maka seseorang itu wajib untuk mengeluarkan zakat atas wang simpanan.

4. Simpanan Dalam Beberapa Akaun

Jika seseorang itu mempunyai beberapa akaun simpanan, maka baki terendahnya dari setiap akaun simpanan tersebut mestilah dicampurkan untuk mengira zakat walaupun mungkin jika dikira satu-satu akaun, baki terendahnya tidak mencukupi nisab.

Soalan 60:

Apakah yang dimaksudkan dengan zakat ternakan dan bagaimanakah cara pengiraannya?

Jawapan:

Zakat ternakan adalah sebahagian daripada zakat harta. Ia dikenakan ke atas individu Muslim yang mempunyai binatang ternakan yang terdiri daripada lembu, kerbau, kambing dan unta serta cukup haul dan nisabnya sepertimana telah ditetapkan oleh Islam.

Syarat-syarat wajib zakat ternakan adalah seperti berikut:

1. Islam.
2. Sempurna milik.
3. Merdeka.
4. Cukup nisab (genap setahun).
5. Binatang ternakan yang tidak digunakan untuk bekerja seperti membajak sawah, menarik kereta dan sebagainya.

Pengiraan zakat ternakan dipemerkan menerusi Jadual 1.

Jadual 1: Pengiraan Zakat Ternakan

LEMBU / KERBAU	
Bilangan	Jumlah Zakat/Jantina
30-39 ekor	1 ekor berumur 1 tahun / Jantan
40-59 ekor	1 ekor berumur 2 tahun / Betina
60-69 ekor	2 ekor berumur 1 tahun / Jantan
70-79 ekor	1 ekor berumur 1 tahun / Jantan dan 1 ekor berumur 2 tahun / Betina
80-89 ekor	2 ekor berumur 2 tahun / Betina
90-99 ekor	3 ekor berumur 1 tahun / Jantan
100-109 ekor	1 ekor berumur 2 tahun / Betina dan 2 ekor berumur 1 tahun /Jantan
110-119 ekor	2 ekor berumur 1 tahun / Jantan
120 ekor ke atas	3 ekor berumur 2 tahun / Betina atau 4 ekor berumur 1 tahun / Jantan
KAMBING	
Bilangan	Jumlah Zakat / Jantina
40-120 ekor	1 ekor berumur 2 tahun / Jantan @ Betina
121-200 ekor	2 ekor berumur 1 tahun / Jantan @ Betina
201-399 ekor	3 ekor berumur 2 tahun / Jantan @ Betina
P e n a m b a h a n seterusnya: Setiap 100 ekor	1 ekor berumur 2 tahun / Jantan @ Betina
BIRI-BIRI	
Bilangan	Jumlah Zakat / Jantina
40-120 ekor	1 ekor berumur 1 tahun / Jantan @ Betina
121-200 ekor	2 ekor berumur 1 tahun / Jantan @ Betina
201-399 ekor	3 ekor berumur 1 tahun / Jantan @ Betina
P e n a m b a h a n seterusnya: setiap 100 ekor	1 ekor berumur 2 tahun / Jantan @ Betina

Sumber: Lembaga Zakat Selangor

Soalan 61:

Apakah yang dimaksudkan dengan zakat emas dan perak dan bagaimanakah kaedah pengiraannya?

Jawapan:

Zakat emas dan perak adalah zakat yang dikenakan ke atas emas dan perak yang sempurna syarat-syaratnya. Emas dan perak adalah sejenis galian yang diwajibkan zakat. Ini adalah kerana logam ini sangat bernilai berdasarkan penggunaannya sebagai nilai tukaran wang. Bagaimanapun tidak diwajibkan zakat ke atas barang perhiasan wanita atau rumah selain daripada emas dan perak iaitu intan, mutiara, zamrud, suasa dan sebagainya.

Kaedah pengiraan zakat emas dan perak adalah seperti berikut:

1. Emas Hiasan Wanita

Emas perhiasan wanita ialah emas yang dibeli atau digunakan sebagai perhiasan di tubuh badan. Di Selangor, LZS (MAIS) mengambil kira kadar uruf¹⁹ emas bagi pemakaian perhiasan tersebut. Jika kadar pemakaian itu tidak mencapai kadar uruf, maka tidak wajiblah membayar zakat emas perhiasan tersebut. Kadar uruf emas di negeri Selangor ialah sebanyak 800 gram.

Contoh:

(Timbangan emas x harga semasa x 2.5%)

900 gram x RM50 = RM45000 x 2.5% = RM1125

19. Uruf ialah tahap kebiasaan. Menurut Imam Al-Ghazali bahawa uruf dapat diertikan sebagai “*Sesuatu yang telah mantap di dalam jiwa manusia dan diterima oleh tabiat yang sihat*”.

2. Emas Yang Disimpan

Ia bermaksud emas yang selain daripada perhiasan wanita yang dipakai pada badan sama ada dalam bentuk mata wang, simpanan, galian, peralatan rumah dan sebagainya. Ia dikenakan zakat sebanyak 2.5% daripada jumlah yang ada sekiranya kadar yang dimiliki itu sama atau melebihi nisabnya iaitu 85 gram. Ia tidak sama dengan emas perhiasan yang dipakai. Nisab emas yang tidak dipakai adalah sebanyak 85 gram.

Contoh:

Timbangan emas x harga semasa x 2.5%

$$90 \text{ gram} \times \text{RM}50 = \text{RM}4500 \times 2.5\% = \text{RM}112$$

3. Perak

Bagi logam perak, sama ada dipakai sebagai barang perhiasan ataupun tidak (disimpan sebagai perhiasan di rumah), maka pengiraannya adalah berdasarkan nilai barang perak tersebut. Nisab bagi perak adalah sebanyak 595 gram atau lebih.

Contoh:

$$800 \text{ gram perak} \times \text{RM}0.90 \text{ (segram)} \times 2.5\% = \text{RM}18$$

Soalan 62:

Apakah yang dimaksudkan dengan zakat pertanian dan bagaimanakah kaedah pengiraannya?

Jawapan:

Zakat pertanian adalah zakat yang dikenakan ke atas hasil tanaman iaitu bijirin daripada jenis makanan asasi yang mengenyangkan dan tahan lama disimpan seperti padi, kurma, jagung, gandum dan sebagainya. Bagi penduduk di Malaysia, makanan asasinya adalah nasi dan nasi dihasilkan daripada padi. Maka, zakat pertanian yang sesuai dikeluarkan bagi negara Malaysia adalah zakat padi.

Walau bagaimanapun, hasil tanaman yang tidak asasi seperti kelapa, kelapa sawit, getah, lada hitam, tebu, koko dan buah-buahan juga harus dikenakan zakat perniagaan jika diniagakan.

Syarat-syarat wajib zakat pertanian adalah seperti berikut:

1. Islam.
2. Sempurna milik.
3. Merdeka.
4. Cukup nisab - cukup sukatan 363 gantang²⁰ iaitu 980.1 kilogram.
5. Biji-bijian dan buah-buahan hendaklah ditanam oleh manusia.

20. Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan pada 11 Mac 2002 telah mencadangkan kepada negeri di Malaysia satu gantang Baghdad bersamaan dengan 2.7 kg.

Kaedah pengiraan zakat pertanian adalah biji-bijian dan buah-buahan yang cukup nisabnya hendaklah dibayar zakatnya mengikut peratus penghasilan. Kadar peratus pembayarannya bergantung pada cara-cara penghasilannya.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah menetapkan jumlah zakat yang wajib dibayar untuk zakat pertanian adalah sebanyak 5%. Contohnya, zakat padi yang perlu dikeluarkan selepas musim menuai adalah sebanyak 5% bagi keseluruhan hasil tanaman.

Soalan 63:

Apakah yang dimaksudkan dengan zakat pendapatan dan bagaimanakah cara pengiraannya?

Jawapan:

Zakat pendapatan adalah zakat ke atas imbuhan, upah, bayaran, perolehan atau hasil yang diperoleh oleh individu Islam daripada majikan atau individu itu sendiri sama ada pemberian dalam bentuk tenaga atau perkhidmatan profesional atau fizikal dalam tempoh harian, bulanan atau tahunan.

Kaedah pengiraan zakat pendapatan di Selangor adalah mengikut taksiran zakat yang diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada Mac 2010. Kaedah pengiraannya dipamerkan menerusi Jadual 2.

Jadual 2: Pengiraan Zakat Pendapatan

BAHAGIAN A: KOMPONEN PENDAPATAN	RM
A1: Hasil Penggajian & Upah	
Gaji & Elaun & Bonus	
Ganjaran, Gatuiti dan Keuntungan ESOS (Skim Pilihan Saham Pekerja)	
Lain-lain	
A2: Hasil Bebas & Profesional	
Perkhidmatan Konsultansi Profesional	
Komisyen dan <i>Residual</i> Income	
Royalti & Honorarium	
Hasil Projek Bermusim	
Hasil tunai sekali seperti hasil pembiayaan semula aset atau jualan aset tetap atau pinjaman bank yang tiada tujuan dan lain-lain	
A3 : Hasil <i>Al-Mustagallat</i>	
Hasil Sewaan Tanah / Bangunan / Kenderaan / Pengangkutan	
Hasil Sewaan Tanah / Bangunan / Kenderaan / Pengangkutan	
Hasil pertanian kekal (seperti getah, kelapa sawit, durian dan sebagainya) yang pokok dan tapaknya tidak dijual	
Lain-lain	
JUMLAH PENDAPATAN (A1 + A2 + A3)	
BAHAGIAN B: KOMPONEN KOS PROJEK	RM
B1: Kos Hasil Bebas & Profesional (Jika Berkenaan)	
Bayar upah pekerja	
Pembelian barang dan peralatan kerja	
Cukai, yuran guaman, bayaran lesen & lain-lain	
Kos-kos lain	
B2: Kos Hasil <i>Al-Mustaghallat</i>	
Penyelenggaraan & baik pulih aset tetap	
Kos penjagaan tapak ladang/ternakan	
Cukai, yuran guaman, bayaran lesen & lain-lain	
JUMLAH KOS HASIL BEBAS & PROFESIONAL DAN KOS HASIL <i>AL-MUSTAGHALLAT</i> (B1 + B2)	

BAHAGIAN C : TOLAKAN HAD KIFAYAH		RM
C1: Had Kifayah Isi Rumah		
Diri		8,200
Isteri	RM5,000/seorang	
Tanggungan tidak bekerja (18 tahun ke atas)	RM2,900/seorang	
Anak berumur 7-17 tahun	RM2,200/seorang	
Anak berumur 0-6 tahun	RM1,500/seorang	
C2: Had Kifayah Tambahan (Jika Berkenaan)		
Tanggungan anak cacat	RM2,400/seorang	
Tanggungan pesakit kronik	RM2,400/seorang	
Cukai, yuran guaman, bayaran lesen & lain-lain		
JUMLAH TOLAKAN HAD KIFAYAH (C1 + C2)		
BAHAGIAN D: TOLAKAN LAIN		
Kategori Tolakan Lain		
Caruman KWSP (Jumlah kasar gaji x 11%)		
Caruman tahunan di institusi yang membayar zakat bagi ahli ataupun pemegang saham seperti:		
Lembaga Tabung Haji		
Koperasi/Institusi yang membayar zakat		
JUMLAH TOLAKAN LAIN		
BAHAGIAN E: PENDAPATAN BERSIH YANG DIZAKATKAN		RM
= Jumlah Bahagian A TOLAK (-) (Jumlah Bahagian B + Jumlah Bahagian C + Jumlah Bahagian D)		
Zakat Wajib Dibayar = Amaun Bahagian E x 2.5% <i>*Amaun Bahagian E mestilah sekurang-kurangnya sama dengan nisab zakat.</i>		

Sumber: Lembaga Zakat Selangor

Soalan 64:

Adakah zakat perlu dibayar mengikut tempat kelahiran?

Jawapan:

Bagi zakat pendapatan, lebih *afdhal* (utama) dikeluarkan di negeri tempat seseorang bekerja manakala bagi zakat fitrah pula lebih *afdhal* dikeluarkan di negeri tempat tinggal pembayar zakat.

Soalan 65:

Adakah diwajibkan zakat fitrah ke atas anak yang masih dalam kandungan ibunya?

Jawapan:

Tidak wajib membayar zakat fitrah kepada anak yang masih dalam kandungan ibunya kerana syarat wajib zakat fitrah mestilah anak yang lahir sebelum matahari terbenam pada akhir bulan Ramadan dan hidup selepas terbenam matahari akhir Ramadan.

Soalan 66:

Adakah diwajibkan zakat fitrah bagi seseorang yang meninggal dunia sebelum terbenam matahari akhir Ramadan?

Jawapan:

Tidak wajib zakat fitrah bagi seseorang yang meninggal dunia sebelum terbenam matahari akhir Ramadan kerana dalam konteks permasalahan ini, syarat wajib zakat fitrah adalah seseorang yang meninggal dunia selepas terbenamnya matahari akhir Ramadan.

Soalan 67:

Adakah wajib membayar zakat fitrah untuk ibu tiri, adik-beradik tiri dan orang yang bukan di bawah tanggungan?

Jawapan:

Tidak wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk ibu tiri, adik-beradik tiri dan orang yang bukan di bawah tanggungan kerana zakat fitrah wajib dikeluarkan oleh ketua keluarga untuk dirinya dan tanggungannya sahaja.

Soalan 68:

Adakah seorang bapa perlu membayar zakat fitrah untuk anak yang sudah bekerja?

Jawapan:

Bagi zakat fitrah, wajib ke atas ketua keluarga mengeluarkan zakat fitrah untuk dirinya dan tanggungannya termasuk anak lelaki dan perempuan. Namun, sekiranya, anak-anak yang sudah berdikari dan mempunyai pendapatan sendiri serta berkemampuan, maka mereka bolehlah mengeluarkan sendiri zakat fitrah dan zakat harta untuk diri mereka sendiri.

Soalan 69:

Apakah perbezaan antara zakat pendapatan dengan zakat simpanan?

Jawapan:

Zakat pendapatan diambil daripada punca gaji, elaun, bonus,

pendapatan sampingan dan hasil-hasil lain yang boleh diertikan sebagai pendapatan. Zakat wang simpanan pula puncanya daripada wang yang disimpan sahaja. Zakat pendapatan dikenakan kepada jumlah yang berbaki selepas dibuat penolakan terhadap perbelanjaan asasi, manakala zakat wang simpanan pula dikenakan pada jumlah terendah yang mencecah nisab semasa.

Soalan 70:

Bolehkah kita mengeluarkan zakat dengan menyerahkan sendiri zakat kepada kalangan ahli keluarga contohnya kepada ibu bapa atau datuk?

Jawapan:

Ibu bapa dan datuk adalah menjadi tanggungjawab anak dan cucu untuk memberi bantuan baik dari segi kewangan mahupun dari segi tenaga. Keluarga terdekat hendaklah dibantu melalui nafkah, manakala golongan Muslimin yang tidak ada hubungan nafkah pula boleh dibantu melalui zakat. Maka, zakat tidak sah jika diberikan kepada orang yang di bawah tanggungjawab kita. Ini adalah kerana seseorang itu tidak dikategorikan miskin sekiranya mempunyai anak yang berkemampuan kecuali ditinggalkan atau tidak dihiraukan oleh anaknya yang tidak menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang anak.

Soalan 71:

Apakah hukum seseorang yang terlupa membayar zakat fitrah?

Jawapan:

Islam mewajibkan penganutnya untuk menunaikan zakat

fitrah pada tempoh yang ditetapkan (bermula pada 1 Ramadan sehingga sebelum solat sunat Aidilfitri ditunaikan). Hukumnya berdosa di sisi Allah SWT jika seseorang itu gagal menunaikannya. Ibnu Umar RA meriwayatkan: *“Rasulullah SAW telah memerintahkan untuk mengeluarkan zakat fitrah sebelum orang-orang keluar melaksanakan Solat Aidilfitri.”*

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Seterusnya berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas RA, bahawasanya:

“Rasulullah SAW telah memfardukan zakat fitrah sebagai pembersih bagi orang yang berpuasa daripada perbuatan sia-sia dan perkataan kotor dan juga sebagai makanan untuk orang-orang miskin. Barang siapa menunaikan zakat fitrah itu sebelum solat (Solat Aidilfitri) maka itu zakat yang diterima. Dan barangsiapa menunaikan zakat fitrah itu setelah solat (Aidilfitri) maka itu satu sedekah.”

(Hadis Riwayat Abu Dawud, Ibnu Majah, Ad-Daruquthni, Al-Baihaqi, Al-Hakim dan Adz-Dzahabi)

Berdasarkan dalil tersebut, jelaslah bahawa batas waktu pembayaran zakat fitrah adalah sewaktu pelaksanaan Solat Aidilfitri. Barangsiapa yang belum membayar zakat fitrah tanpa uzur sehingga masuk waktu Solat Aidilfitri, dia berdosa dan kewajipan zakat fitrah itu tidak gugur daripada orang Islam itu.

Bagi seseorang yang terlupa untuk membayar zakat fitrah tidak berdosa, kerana “lupa” (*an-nisyan*) merupakan salah satu uzur syar'ii yang menggugurkan dosa. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

"Sesungguhnya Allah telah memaafkan daripada umatku (dosa kerana) tersalah (tidak sengaja), lupa, dan apa-apa yang dipaksakan atas mereka."

(Hadis Riwayat Ibnu Majah; no. 2033, Ibnu Hibban; no. 7342, At-Tabrani dalam Al-Mu'jam Al-Kabir; no. 1414)

Zakat fitrah wajib diqada' oleh seseorang yang sengaja ataupun terlupa membayar zakat fitrah untuk dirinya dan tanggungannya pada tempoh yang ditetapkan walaupun telah lewat daripada waktu yang ditentukan.

Soalan 72:

Apakah hukum seseorang yang membayar qada' zakat?

Jawapan:

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 7 Jun 2007 telah memutuskan bahawa hukum qada' zakat adalah wajib iaitu menunaikan zakat yang telah lepas waktunya itu sekiranya semua syarat wajib zakat telah dipenuhi.

Soalan 73:

Adakah asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan zakat wajib membayar zakat fitrah?

Jawapan:

Ya, wajib bagi asnaf fakir dan miskin tersebut membayar zakat fitrah sekiranya ia telah memenuhi syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat fitrah. Zakat fitrah diwajibkan kepada semua

orang Islam, tanpa mengira sama ada mereka kaya, miskin, merdeka atau hamba sahaya. Abu Hurairah RA menyatakan:

“Rasulullah telah mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadan kepada orang yang merdeka, hamba sahaya, lelaki dan perempuan, anak-anak, dewasa, fakir atau kaya daripada kalangan kaum Muslimin.”

(Hadis Riwayat Ahmad, Bukhari dan Muslim)

Soalan 74:

Adakah membayar zakat boleh membersihkan sumber wang haram atau wang syubhah?

Jawapan:

Wang daripada sumber haram atau syubhah tidak boleh dibersihkan dengan pembayaran zakat tetapi wang syubhah daripada hasil riba perlu diserahkan kesemuanya kepada Baitulmal untuk kemaslahatan umum.

Soalan 75:

Manakah yang lebih utama, membayar hutang atau mengeluarkan zakat?

Jawapan:

Bagi seseorang yang menanggung beban hutang yang mana hutang itu mengurangkan nisabnya, maka hutang itu haruslah dibayar terlebih dahulu sebelum harta itu boleh dikira sebagai harta yang wajib dizakatkan. Namun, terdapat segelintir ulama yang berbeza pendapat dalam memahami konsep harta yang

diwajibkan zakat. Faktor perbezaan pendapat ini adalah kerana pemahaman mereka mengenai erti zakat, cara pembayaran zakat dan sebagainya adalah berbeza.

Kesimpulannya, ulama bersetuju bahawa sekiranya sesuatu hutang itu mengurangi atau menghabiskan jumlah nisab seseorang sedangkan hutangnya lebih daripada itu, maka hutangnya itu telah mengurangkan nisab dan wang itu tidak dikenakan zakat ke atasnya.

Soalan 76:

Adakah sah zakat fitrah yang dikeluarkan oleh isteri ke atas suaminya yang tiada pendapatan?

Jawapan:

Menurut Mazhab Syafi'ie, Ibnu Al-Munzir dan As-Sauri, hukum zakat fitrah tersebut adalah harus kerana isteri tidak wajib menanggung nafkah suaminya. Malah pahala yang ia perolehi dengan memberi zakat kepada suami lebih besar daripada ia memberinya kepada orang lain berdasarkan hadis daripada Abu Sa'id Al-Khudri RA. yang menceritakan; *"Zainab isteri Ibnu Mas'ud RA datang kepada Nabi SAW dan berkata: 'Wahai Nabi Allah SWT, engkau telah memerintahkan hari ini agar kami bersedekah. Aku mempunyai satu perhiasan milikku, maka aku ingin bersedekah dengannya'. Ibnu Mas'ud (suaminya) mengadu kepada Rasulullah SAW bahawa dia dan anaknya paling layak untuk menerima sedekah isterinya itu. Lalu Nabi berkata kepada Zainab; 'Benarlah Ibnu Mas'ud. Suami kamu dan anak kamu lebih berhak dengan sedekah kamu itu.'"*

(Hadis Riwayat Imam Al-Bukhari)

Berdasarkan pada pendapat tersebut, isteri boleh mengeluarkan zakat fitrah untuk dirinya dan suaminya; atau isteri sahaja yang mengeluarkan zakat untuk dirinya dan gugurlah kewajipan zakat suaminya.

Soalan 77:

Bolehkah seseorang individu Islam mengagihkan zakat secara persendirian?

Jawapan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-76 pada 21-23 November 2006 telah memutuskan bahawa, dari segi siasah dan maslahah, zakat merupakan pemangkin bagi ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pemerintah atau *ulil amri* adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut. Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa. Ini kerana dalam Islam, patuh dan taat kepada pemerintah atau *ulil amri* dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Selain itu, Fatwa Negeri Selangor pada 7 Jun 2007 ada menyatakan perkara berikut:

1. Zakat dari segi siasah dan maslahah adalah pemangkin ekonomi umat Islam dan pemerintah telah menetapkan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan zakat.
2. Perbuatan mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah namun perbuatan melanggar

undang-undang dan peraturan pemerintah adalah berdosa kerana umat Islam wajib patuh dan taat kepada pemerintah dalam perkara kebaikan.

Soalan 78:

Apakah akibatnya jika golongan yang berkemampuan melewati pembayaran zakat?

Jawapan:

Apabila seseorang individu Muslim itu berkemampuan dan wajib baginya mengeluarkan zakat tetapi sengaja melewati pengeluaran zakat, maka individu berkenaan menghadapi perkara-perkara berikut:

1. Berdosa kerana dia dengan niat sengaja melewati pembayaran.
2. Wajib qada' zakat walaupun semua hartanya musnah sekiranya sengaja melewatkannya tanpa alasan.

Soalan 79:

Siapakah golongan yang layak menerima zakat?

Jawapan:

Allah SWT telah menjelaskan golongan yang layak menerima zakat sepertimana dalam firmanNya melalui Al-Qur'an yang bermaksud:

* إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ
 قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ
 فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

(Surah At-Taubah; 9 : 60)

Penjelasan ringkas bagi setiap golongan asnaf:

1. Fakir

Orang Islam yang tiada harta atau tiada pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan makanan, pakaian dan tempat tinggal atau ada harta atau pendapatan tetapi tidak mencapai 50 peratus daripada had kifayah dirinya dan tanggungannya.

2. Miskin

Orang Islam yang memiliki harta atau pendapatan yang hanya untuk keperluan dirinya akan tetapi hanya boleh

menampung lebih 50 peratus keperluan dirinya dan tanggungannya tetapi masih belum mencukupi had kifayah.

3. Amil-amil yang menguruskan zakat

Amil ialah pegawai-pegawai yang membantu pemerintah mengutip dan mengagihkan zakat. Di Selangor, MAIS melantik LZS sebagai amil bagi mewakili DYMM Sultan Selangor untuk menjalankan tugas-tugas pengurusan zakat meliputi pungutan dan agihan.

4. Muallaf yang dijinakkan hatinya

Muallaf ialah seseorang individu Islam yang dijinakkan hatinya dengan Islam, sama ada dalam kalangan mereka yang belum memeluk agama Islam atau yang perlu ditarik hatinya kepada Islam, atau telah memeluk Islam dengan tujuan memberikan zakat kepada mereka akan menguatkan lagi Islam dalam diri mereka.

5. *Ar-Riqab*

Ar-riqab ialah seseorang yang terbelenggu di bawah suatu kuasa atau keadaan yang menjadi hambatan kepada dirinya bagi menjalani kehidupan yang lebih baik. Selain itu *ar-riqab* ialah golongan hamba yang dimiliki oleh tuannya bagi membolehkan mereka membebaskan atau menebus diri masing-masing.

6. *Al-Gharimin*

Al-Gharimin ialah orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungannya atau kepentingan masyarakat dan tiada keupayaan untuk membayarnya dan memerlukan penyelesaian segera selaras dengan hukum syarak.

Perkara-perkara penting berkaitan dengan *al-gharimin* ialah:

- i. Orang yang berhutang itu tidak mampu menjelaskan hutangnya.
- ii. Hutang itu hendaklah dalam perkara taat yang diharuskan syarak.
- iii. Hutang itu telah sampai tempoh untuk dijelaskan.

7. *Fisabilillah*

Fisabilillah ialah mereka yang berjuang, berusaha dan melaksanakan aktiviti yang bertujuan untuk menegak dan mempertahankan agama Allah SWT serta meningkatkan penghayatan syiar Islam. Padai zaman moden, definisi yang lebih luas tentang *fisabilillah* ialah perang termasuk berkaitan dengan penyebaran maklumat, propaganda yang tidak sihat serta perang penyebaran Islam secara aman di negara-negara bukan Islam.

8. *Ibnu Sabil*

Ibnu Sabil ialah orang Islam yang kehabisan belanja atau terputus bekalan semasa memulakan perjalanan atau dalam perjalanan yang mendatangkan manfaat serta sesuai dengan hukum syarak dengan syarat:

- i. Putus bekalan dalam perjalanannya.
- ii. Tidak dapat memanfaatkan hartanya untuk meneruskan perjalanan.
- iii. Perlu pada kemudahan asas semasa perjalanan.
- iv. Ditinggalkan dalam perjalanan.

Soalan 80:

Apakah yang dimaksudkan dengan had kifayah?

Jawapan:

Had kifayah ertinya, garis kecukupan minimum bagi keperluan asasi seseorang individu dan tanggungannya berdasarkan kos sara hidup masa kini. Had kifayah di Selangor merujuk pada suatu kadar keperluan asasi yang paling minimum bagi sesebuah isi rumah yang ditetapkan oleh LZS merangkumi enam aspek iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan.

Soalan 81:

Adakah duit yang diterima hasil daripada kemenangan memasuki peraduan perlu dikeluarkan zakat?

Jawapan:

Duit yang diperoleh daripada hasil memasuki peraduan yang patuh syariah adalah dikenakan zakat sebanyak 2.5% daripada jumlahnya. Duit tersebut dikategorikan sebagai *al mal al mustafad* (harta perolehan) dan dikira sebagai zakat pendapatan.

Soalan 82:

Bolehkah zakat dikenakan ke atas syarikat yang mengalami kerugian?

Jawapan:

Zakat perniagaan ditaksirkan atas aset milik sempurna. Ini

bermakna zakat bagi sesebuah perniagaan diukur melalui milikan aset yang terdapat pada kunci kira-kira bukan berdasarkan prestasi sesebuah perniagaan yang ditunjukkan dalam penyata pendapatan dan keuntungan syarikat.

Komponen dalam aset semasa boleh berpunca sama ada daripada modal (ekuiti) atau pinjaman pelaburan atau aktiviti jual beli. Maka, pada tarikh taksiran zakat perniagaan dilakukan, hanya item-item aset semasa yang cukup syarat milik sempurna akan dikenakan zakat setelah mengambil kira tolakan, pengecualian dan pelarasan yang dibenarkan. Oleh itu, dapat diperhatikan bahawa syarikat yang rugi sekali pun mungkin mempunyai aset milik sempurna yang cukup syaratnya dan cukup nisab, seterusnya wajib membayar zakat.

Soalan 83:

Adakah orang tua/orang kurang upaya/ibu tunggal tergolong dalam asnaf fakir atau miskin?

Jawapan:

Orang tua, orang kurang upaya (OKU) dan ibu tunggal bukan golongan asnaf fakir atau miskin kerana tidak mempunyai ciri-ciri penerima zakat, sebagaimana dijelaskan di dalam Al-Qur'an. Mereka hanya layak menerima zakat jika sekiranya mereka tergolong dalam asnaf fakir atau miskin.

Soalan 84:

Adakah anak yatim tergolong dalam asnaf fakir atau miskin?

Jawapan:

Anak yatim tidak tergolong dalam asnaf fakir atau miskin melainkan anak yatim yang dijaga oleh ibu atau penjaga yang berada dalam golongan asnaf fakir atau miskin.

Soalan 85:

Bolehkah zakat digunakan untuk melangsaikan hutang PTPTN²¹?

Jawapan:

Wang zakat tidak boleh digunakan untuk melangsaikan hutang PTPTN. Ini adalah kerana hutang pengajian tersebut wajib dibayar secara beransur-ansur bukan sekali gus. Hutang pengajian boleh dijelaskan melalui pendapatan bulanan yang diperoleh dan ia bukanlah hutang dalam keadaan yang terlalu mendesak.

Soalan 86:

Apakah yang dimaksudkan dengan wakaf?

Jawapan:

Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No. 7 1999 menyatakan, wakaf ertinya menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat

21. PTPTN ialah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

atau faeadahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut hukum syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949.

Selain itu, wakaf bermaksud penyerahan hak milik seseorang ke atas hartanya yang boleh digunakan tanpa susut fizikalnya kepada pengguna wakaf tersebut kerana Allah SWT. Ia tidak boleh diambil kembali atau dimiliki oleh mana-mana individu dan harta tersebut ditahan hak pewakaf daripada sebarang perwarisan, urusan jual beli, hibah dan wasiat untuk kebajikan dengan niat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Soalan 87:

Apakah jenis-jenis wakaf?

Jawapan:

Wakaf terbahagi pada dua iaitu:

1. *Wakaf Ahli (Wakaf Keluarga)*

Wakaf ini dikhususkan manfaatnya kepada ahli keluarga yang telah ditentukan oleh pewakaf.

1. *Wakaf Khairi (Wakaf Kebajikan)*

Wakaf ini terbahagi pada dua iaitu:

- i. Wakaf am bermaksud sesuatu wakaf yang diwujudkan oleh pewakaf bagi tujuan manfaat umum yang mengikut hukum syarak seperti untuk membina kemudahan awam atau pembangunan ekonomi umat Islam menerusi pelbagai aktiviti yang dijalankan.

- ii. Wakaf khas pula bermaksud wakaf yang diwujudkan oleh pewakaf bagi manfaat tertentu umat Islam mengikut hukum syarak seperti mewakafkan tanah untuk tujuan pembinaan masjid, surau, sekolah agama, perkuburan Islam dan lain-lain yang dikhususkan oleh pewakaf.

Soalan 88:

Apakah rukun wakaf?

Jawapan:

Rukun wakaf adalah seperti berikut:

1. Orang yang mewakafkan.
2. Pihak yang menerima wakaf.
3. Benda yang diwakafkan.
4. Suratan yang berkenaan dengan wakaf termasuk wasiat (juga dikenali dengan *sighah* wakaf).

Soalan 89:

Siapakah yang boleh berwakaf?

Jawapan:

Individu yang ingin berwakaf perlulah memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Baligh.
2. Berakal iaitu sempurna akal fikiran dan waras pemikirannya.

3. Harta yang hendak diwakaf hendaklah dimiliki secara sempurna oleh pewakaf.
4. Berwakaf atas kerelaan sendiri tanpa sebarang paksaan.

Soalan 90:

Apakah perbezaan antara wakaf dengan sedekah?

Jawapan:

Wakaf merupakan sedekah jariah yang berterusan yang mana harta yang diwakaf itu bersifat kekal selamanya. Ganjaran pahala pewakaf akan mengalir dan berkekalan selagi harta yang diwakafkan itu boleh diambil manfaatnya dan selagi harta wakaf itu wujud. Manakala sedekah pula adalah ibadah yang dilakukan oleh orang Mukmin yang mana pahalanya adalah hanya pada ketika amalan sedekah tersebut dilaksanakan.

Soalan 91:

Bolehkan pemberian wakaf diniatkan atas nama si mati?

Jawapan:

Wakaf adalah salah satu bentuk sedekah dan ia merupakan pemberian secara kekal untuk diambil manfaat daripadanya. Terdapat dalil mengenai pemberian wakaf atau sedekah yang diniatkan atas nama si mati. Antaranya adalah hadis sahih daripada Nabi SAW yang memperakui (ikrar) beberapa sahabat bersedekah untuk si mati, seperti kisah Saad Bin Ubadah yang

menyedekahkan kebunnya untuk arwah ibunya di hadapan Nabi SAW dan Baginda menyaksikannya.

(Hadis Riwayat Bukhari)

Oleh itu, jika waris mengeluarkan sebahagian harta yang diperolehnya untuk disedekahkan atau diwakafkan atas nama si mati, ia adalah suatu yang harus, malahan digalakkan.

Soalan 92:

Bolehkah hasil tanaman di atas tanah milik kerajaan diwakafkan?

Jawapan:

Menurut Mazhab Syafi'ii, wakaf pokok atau tanaman seperti pokok buah-buahan, pokok haruman dan sebagainya yang tidak putus hasil atau manfaatnya adalah sah. Jika pokok wakaf itu ditanam di atas tanah orang lain, hendaklah dengan kebenaran pemilik tanah untuk tujuan tersebut. Manakala di dalam *Kitab Minhaj Al-Tullab*, karangan Syeikhul-Islam Zakaria Al-Ansari menyatakan; "*antara wakaf yang (sah) ialah binaan (yang dibina) dan pokok yang ditanam di atas suatu tanah dengan kebenaran.*"

Beberapa perkara berkaitan tanah milik kerajaan yang diwakafkan adalah:

1. Mewakafkan pokok yang ditanam di atas tanah kerajaan adalah sah jika tanaman di atas tanah tersebut mendapat keizinan daripada kerajaan atau individu yang diberi mandat oleh kerajaan untuk menguruskan tanah tersebut.
2. Wakaf tersebut dilakukan oleh individu yang memiliki pokok tersebut dan mendapat kebenaran daripada kerajaan untuk

menanamnya di atas tanah kerajaan. Ini adalah kerana wakaf tidak sah melainkan dari pemilik harta yang diwakafkan.

3. Penanaman dilakukan semasa tempoh kebenaran masih ada. Jika penanaman dibuat setelah tamat tempohnya, pokok-pokok tersebut tidak sah untuk diwakafkan kerana penanamannya berlaku tanpa kebenaran pemiliknya.

Soalan 93:

Apa itu *wakaf istibdal*?

Jawapan:

Istibdal ertinya menukar atau menggantikan harta wakaf dengan harta yang lain dengan jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan wakaf. Fatwa Kebangsaan pada 13 April 1982 menyatakan bahawa wakaf gantian atau *wakaf istibdal* iaitu menukar harta wakaf dengan harta yang lain melalui jualan atau belian atau sebagainya dengan tujuan mengekalkan harta wakaf adalah diharuskan mengikut taklid pendapat Imam Abu Hanifah.

Soalan 94:

Bolehkah harta yang telah diwakaf ditebus semula oleh pewakaf atau warisnya?

Jawapan:

Wakaf tidak boleh ditarik balik atau ditebus kembali kecuali pewakaf sanggup menggantikan harta yang diwakafkan dengan harta lain yang sama keluasan dan nilainya sebagai pengganti. Sekiranya pewakaf tidak dapat menggantikan harta yang diwakaf

pada awalnya, maka pewakaf berkenaannya berdosa selama mana ia belum mencari ganti bagi harta wakaf tersebut.

Soalan 95:

Bolehkah buah-buahan daripada pokok wakaf dimakan oleh orang ramai?

Jawapan:

Buah-buahan daripada pokok wakaf boleh dimakan oleh orang ramai setelah mendapat keizinan daripada pihak yang bertanggungjawab kerana memakannya tanpa izin adalah haram. Sekiranya buah tersebut dijual, maka hasilnya akan digunakan untuk penerima manfaat wakaf tersebut.

Soalan 96:

Apakah hukum berkaitan wakaf bagi tanah bertaraf hak milik terhad?

Jawapan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-65 yang bersidang pada 13 Oktober 2004 telah memutuskan bahawa mewakafkan tanah hak milik terhad²² (pajakan/*leasehold*) adalah sah dan diterima oleh syarak.

22. Pemberian milik terhad ini ialah tanah berstatus pajakan/*leasehold*. Seksyen 76(a) Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 menjelaskan pemberian milik tanah dengan cara pelupusan tidak boleh lebih daripada sembilan puluh sembilan tahun. Kedudukan tanah pajakan/*leasehold* apabila tamat tempoh pemberimilikan akan menjadi hak milik kerajaan mengikut peruntukan dalam Seksyen 46(1) (a) Kanun Tanah Negara 1965.

Soalan 97:

Apakah yang dimaksudkan dengan wakaf tunai?

Jawapan

Wakaf tunai adalah berwakaf dengan menggunakan wang tunai untuk dikumpulkan di dalam satu tabung amanah di bawah pengurusan Majlis Agama Negeri atau nazir yang diamanahkan untuk mengurus wakaf ini bagi tujuan kebajikan dan manfaat ummah. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam.

Soalan 98:

Apa itu Saham Wakaf Selangor?

Jawapan:

Saham Wakaf Selangor merupakan wakaf tunai. Ia dikenali sebagai saham wakaf kerana wakaf wang tunai yang diterima daripada pewakaf dikumpulkan di bawah Tabung Kumpulan Wang Wakaf. Wang tersebut kemudiannya akan digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan dan pelaburan yang mana pulangan bersaham adalah berbentuk pulangan akhirat.

BAHAGIAN 3

JUAL BELI

Soalan 1:

Apakah yang dimaksudkan dengan jual beli?

Jawapan:

Menurut istilah syarak, jual beli ertinya menukar harta dengan harta menurut cara-cara tertentu (akad). Jual beli ini telah disyariatkan oleh Allah SWT yang bermaksud:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي
يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ
مِثْلُ الرِّبَا ۗ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۚ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ
مِّن رَّبِّهِ فَآتَتْهَا فَاذْنَبْ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ ۗ وَمَنْ عَادَ
فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya:

“Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan kerana gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata jual beli itu sama dengan riba. Padahal Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), Maka, baginya apa yang telah diambilnya dahulu dan urusannya (terserah) kepada Allah SWT. Orang yang kembali (mengambil riba), Maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya.”

(Surah Al-Baqarah; 2 : 275)

Soalan 2:

Apakah perkara-perkara yang dilarang dalam urusan jual beli?

Jawapan:

Perkara-perkara yang dilarang dalam urusan jual beli adalah seperti berikut:

1. Mengamalkan riba

Riba merupakan perkara yang diharamkan dalam Islam, Riba ialah sebarang tambahan dalam barangan tertentu (*ribawi*) dan tambahan di atas hutang akibat penangguhan tempoh.

2. Memeras ugut dan mengambil harta dengan cara yang batil

Islam juga mengharamkan perbuatan memeras ugut serta tindakan mengambil harta orang lain dengan cara yang salah seperti mencuri, merompak, menipu, memperdaya, judi dan sebagainya.

3. Menipu bagi melariskan barangan

Islam melarang sebarang bentuk penipuan dalam perniagaan seperti melakukan suatu helah untuk kepentingan diri sendiri dan memudaratkan orang lain. Ia mungkin berlaku semasa mempromosi dan menarik pelanggan dengan tujuan melariskan barang jualan. Terdapat juga penipuan seperti memalsukan tandatangan, menjual barang tiruan dengan harga yang mahal dan menyebarkan iklan-iklan yang palsu.

4. Mengamalkan rasuah

Rasuah atau dikenali juga sebagai “duit kopi” adalah pemberian yang dibuat bertujuan untuk mendapatkan sesuatu dengan cara yang salah atau bukan dengan cara yang dibenarkan oleh syarak. Rasuah juga merupakan salah satu dosa besar dalam Islam yang mana ia boleh berlaku dalam pelbagai bidang terutamanya dalam aktiviti perniagaan.

5. Memonopoli barangan

Perbuatan memonopoli barangan keperluan awam seperti gula, beras, minyak dan perbuatan-perbuatan seumpamanya juga adalah perbuatan yang dilarang dalam Islam. Monopoli biasanya dibuat oleh peniaga agar barangan keperluan berkurangan di pasaran. Ini membolehkan mereka menaikkan harga barangan tersebut bagi mendapatkan keuntungan yang berlipat kali ganda.

6. Mengurangkan kadar sukatan dan timbangan

Islam menuntut para peniaga bersikap amanah dan tidak mengaburi mata pelanggan dengan pelbagai helah seperti mengurangkan kadar timbangan dan sukatan termasuk perbuatan mengurangkan kualiti dan kuantiti sesuatu barangan.

7. Membeli dan menjual barangan yang dicuri, diragut atau dirampas tanpa hak

Islam melarang dan menegah sama sekali sebarang bentuk jual beli yang melibatkan barangan curi, ragut dan seumpamanya, kerana ia adalah sebahagian daripada amalan bersubahat yang membawa pada menanggung dosa dan mewujudkan permusuhan.

8. Menjual najis

Islam mengharamkan sebarang bentuk perniagaan barangan najis seperti arak, babi, anjing, bangkai dan seumpamanya kerana ia boleh mendatangkan mudarat dan kerosakan di muka bumi.

Soalan 3:

Apakah akad semasa jual beli?

Jawapan:

Akad menurut *Kamus Dewan* bermaksud janji. Perjanjian adalah sinonim dengan kontrak. Akad dari istilah fiqh ialah ikatan antara ijab dan qabul yang dibuat mengikut cara yang disyariatkan yang melibatkan barang atau perkhidmatan.

Dari aspek undang-undang pula, kontrak didefinisikan sebagai perjanjian yang dibuat atas kerelaan pihak-pihak yang layak membuat kontrak, untuk sesuatu balasan yang sah, dan dengan sesuatu tujuan yang sah (Akta Kontrak, Seksyen 10 (1)).

Soalan 4:**Apakah syarat-syarat bagi akad jual beli?****Jawapan:**

Islam telah menetapkan syarat-syarat tertentu bagi setiap urusan perniagaan. Syarat-syarat ini jika tidak dipatuhi akan menyebabkan suatu urusan perniagaan tidak sah atau batal. Antara syarat-syarat tersebut adalah:

1. Individu yang menjalankan akad perniagaan hendaklah *mumayyiz*, iaitu mampu membuat pertimbangan sendiri.
2. Akad dilaksanakan dengan kerelaan sendiri, iaitu tidak dipaksa melakukan akad.
3. Status barang dan harganya hendaklah diketahui dengan pasti oleh penjual dan pembeli bagi menghindari berlakunya *gharar*.
4. Barangan jualan mematuhi syarak dan tidak melibatkan barang-barang yang haram.
5. Urus niaga yang membabitkan mata wang hendaklah mematuhi syarat-syarat pertukaran mata wang mengikut syarak.
6. Kandungan ijab dan qabul hendaklah diselaraskan dari segi sebutan barang, harga dan sebagainya. Akad jual beli menjadi tidak sah sekiranya ijab dan qabulnya tidak selaras seperti penjual berkata; "*Saya jual barang ini dengan harga RM10.*", dan pembeli pula berkata; "*Saya beli dengan harga RM5.*"

Soalan 5:**Apakah rukun akad semasa jual beli?****Jawapan:**

Secara umum rukun-rukun akad semasa jual beli adalah:

1. Terdapat tawaran dan penerimaan.
2. Subjek akad.
3. Pihak-pihak yang berjual beli.

Menurut majoriti ulama, rukun akad adalah seperti berikut:-

1. *Al-'aqidain* iaitu dua pihak yang berjual beli. Terdapat pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan akad sebagai contoh penjual dan pembeli dalam *akad bai'* (jual beli), dan penyumbang modal dan pekerja dalam akad *mudharabah*.
2. *Mahallul aqd* adalah subjek akad iaitu sesuatu yang hendak diadakan seperti kereta dalam akad sewa dan beli (*Aitab*) atau rumah dalam akad *Bai' Bithaman Ajil (BBA)*.
3. *Sighah* iaitu ijab (tawaran) dan qabul (penerimaan). Ia dilafazkan secara lisan atau bertulis oleh mereka yang berakad.

Soalan 6:**Adakah perniagaan secara atas talian (*online*) dibenarkan oleh Islam?****Jawapan:**

Urus niaga secara atas talian (*online*) ini dikenali juga sebagai

e-dagang. E-dagang merupakan urusan yang melibatkan jual beli secara elektronik. Urusan ini melibatkan proses serta komunikasi yang berlaku di antara penjual dan pembeli yang memberi kesan dari sudut ekonomi berlandaskan pada elektronik. Perniagaan atas talian atau internet dibenarkan selagi ia mematuhi syarat-syarat berikut dan prinsip asas perniagaan yang telah ditetapkan oleh syarak.

1. Ia berasaskan akad saling meredhai antara penjual dan pembeli.
2. Ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak ke atas suatu urusan perniagaan atau jual-beli.
3. Ia bebas sepenuhnya daripada larangan-larangan syarak iaitu perkara-perkara yang diharamkannya.

Soalan 7:

Apakah fatwa yang berkaitan dengan jual beli saham?

Jawapan:

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Selangor pada 19 Januari 1993 telah membuat keputusan bahawa orang Islam boleh melibatkan diri dalam jual beli saham kerana ia tidak bercanggah dengan syarat jual beli dalam Islam. Namun, pelaburan atau perniagaan syarikat saham tersebut hendaklah daripada barangan yang halal.

Soalan 8:

Apakah hukum bagi perniagaan *multi level marketing* atau MLM?

Jawapan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-72 yang bersidang pada 25-26 Februari 2006 telah memutuskan bahawa konsep, struktur dan undang-undang perniagaan *multi level marketing* (MLM) yang diluluskan oleh kerajaan adalah harus dan tidak bercanggah dengan konsep perniagaan Islam.

Soalan 9:

Apakah kriteria sebuah syarikat perniagaan jualan langsung yang menggunakan kaedah pemasaran berbilang tingkat atau *multi level marketing* (MLM) yang patuh syariah?

Jawapan:

Kriteria MLM yang diharuskan adalah selaras dengan Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (MLM) serta diperakui oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-95 yang bersidang pada 16 hingga 18 Jun 2011.

Kriterianya adalah seperti berikut:

1. Syarikat hendaklah melantik penasihat syariah yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua orang yang beragama Islam.
2. Produk MLM hendaklah selaras dengan syarak.

3. Syarikat hendaklah berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai lesen yang sah untuk menjalankan perniagaan jualan langsung di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993.
4. Kontrak jualan langsung secara bertulis yang mengandungi terma dan syarat yang jelas dan hendaklah difahami dan dipersetujui oleh syarikat dan peserta kedua-dua pihak.
5. Terdapat tempoh bertenang iaitu tempoh tidak kurang daripada sepuluh hari bekerja dari tarikh penyertaan yang membenarkan seseorang peserta membatalkan atau menarik balik penyertaan dalam perniagaan jualan langsung.
6. Yuran keahlian pada kadar yang minimum meliputi kos pengurusan dan bahan-bahan bercetak yang dimasukkan dalam suatu kelengkapan jualan yang mengandungi pelan pemasaran dan kod etika syarikat serta bukan pada kadar yang tidak munasabah dan begitu tinggi.
7. Tujuan menjadi peserta syarikat jualan langsung mestilah jelas dan selaras dengan ketetapan syarak iaitu untuk menikmati keistimewaan dan insentif yang telah ditetapkan.
8. Akad dalam perniagaan jualan langsung antara syarikat dengan peserta hendaklah ditentukan dengan jelas.
9. Aktiviti pemasaran (*marketing*) hendaklah dilakukan secara patuh syariah, tiada elemen paksaan dan desakan, beradab dan tidak mengelirukan.

Soalan 10:

Adakah pelaburan melalui internet dibenarkan oleh Islam?

Jawapan:

Sebarang perniagaan adalah haram jika ia mempunyai unsur-unsur penipuan, riba, penyelewengan, tidak pasti tentang sumber-sumbernya, tiada akad yang jelas, terdapat penindasan dan tempat perniagaan tidak jelas.

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 pada 10-12 April 2007 telah memutuskan bahawa sebarang pelaburan melalui internet yang menjamin keuntungan secara tetap seperti yang ditawarkan oleh beberapa syarikat pelaburan tempatan dan asing adalah haram kerana ia mengandungi unsur-unsur riba dan *gharar*. Apabila pelaburan tersebut haram, maka pendapatan yang diperoleh daripadanya juga adalah haram. Justeru, umat Islam hendaklah menghindari daripada terlibat dengan sebarang bentuk perniagaan sedemikian.

Soalan 11:

Apakah hukum jual beli secara bidaan menerusi internet?

Jawapan:

Urus niaga jual beli melalui bidaan menerusi internet adalah harus dengan syarat ia berasaskan pada syarat-syarat berikut:

1. Ada akad yang jelas.
2. Jual beli yang tidak bercanggah dengan hukum syarak.
3. Tiada unsur riba.

4. Tiada unsur penipuan.
5. Tiada unsur penindasan.
6. Tiada unsur penyelewengan.

Soalan 12:

Mengapakah seorang peniaga Islam dilarang mengurangkan timbangan untuk mendapatkan keuntungan?

Jawapan:

Peniaga Islam dilarang mengurangkan timbangan atau sukatan, yang mana perbuatan tersebut adalah menipu pelanggan dan tidak amanah. Islam menuntut seseorang peniaga Islam untuk bersikap amanah dan tidak membuat pelbagai helah untuk mengaburi mata pelanggan seperti mengurangkan kadar timbangan dan sukatan. Firman Allah SWT:

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿٨١﴾ الَّذِينَ إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٨٢﴾
وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ﴿٨٣﴾

Maksudnya:

"Celakalah bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan). Orang yang apabila menerima timbangan daripada orang lain, mereka minta dipenuhi. Dan apabila mereka pula menimbang untuk orang lain, mereka mengurangnya."

(Surah Al-Mutaffifin; 83 :1-3)

Soalan 13:**Apakah hukum produk *investment link*²³?****Jawapan:**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-76 yang bersidang pada 21-23 November 2006 telah memutuskan bahawa pembelian produk-produk *investment link* yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans konvensional yang menggabungkan insurans konvensional dan pelaburan saham amanah dalam dana-dana yang tidak menepati syarak perlu dielakkan oleh umat Islam.

Soalan 14:**Apakah perbezaan antara hadiah dan rasuah?****Jawapan:**

Rasuah adalah pemberian sama ada dalam bentuk harta atau manfaat tertentu yang bertujuan untuk memperolehi sesuatu yang bukan haknya, atau menzalimi hak pihak lain. Dalam "*Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwitiyyah*" ditakrifkan sebagai, "*apa yang diberikan dengan tujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan*". Perbuatan rasuah adalah dosa yang besar. Sepertimana dalam sabda Nabi SAW:

-
23. Pemberian milik terhad ini ialah tanah berstatus pajakan/*leasehold*. Seksyen Produk *Investment Link* (produk yang berkaitan dengan pelaburan) ialah program tabungan berasaskan pelaburan dan digabungkan pula dengan manfaat insurans nyawa (*life insurance*). *Investment Link* dilaksanakan dengan cara wang caruman insurans (premium/pokok) dilabur untuk memperolehi keuntungan dan pada masa yang sama, peserta turut terlibat dalam pelaburan saham secara berkelompok, yang mana pemilikan saham dikira mengikut jumlah unit seperti saham amanah. Selain itu, peserta atau pemiliknya mendapat jaminan perlindungan melalui produk insurans nyawa jika ditakdirkan sesuatu musibah menimpanya.

“Allah SWT melaknat pemberi rasuah dan penerimanya.”

(Hadis Riwayat At-Tirmidzi dan Ibnu Majah,
dinilai sahih oleh Al-Albani)

Hadiah pula adalah pemberian atas sebab suka atau sayang tanpa sebarang tuntutan atau ganjaran balas yang disyaratkan. Al-Imam Al-Mawardi merumuskan, *“rasuah ialah apa yang diberikan kerana menuntut sesuatu, hadiah pula apa yang disumbang tanpa sebarang balasan.”* Hadiah yang ikhlas adalah digalakkan oleh Islam. Sabda Nabi SAW:

“Berilah hadiah nanti kamu akan sayang menyayangi.”

(Hadis Riwayat Al-Bukhari dalam Al-Adab Al-Mufrad)

Soalan 15:

Apakah hukum menjalankan perniagaan pengurup mata wang?

Jawapan:

Aktiviti perniagaan pengurup mata wang tergolong di dalam *bay' al-sarf* iaitu jual beli mata wang dengan mata wang lain termasuk emas dan perak dan tertakluk di bawah Akta Pengawalan Pertukaran Wang 1953. Oleh itu, ia perlu memenuhi syarat-syarat perniagaan *bay' al-sarf* sebagaimana berikut:

- a. Berlaku *taqabudh* (penyerahan) antara kedua-dua item (mata wang yang dijual dan yang dibeli) sebelum kedua-dua pihak yang menjalankan transaksi berpisah daripada majlis akad.

- b. Jual beli mata wang hendaklah dijalankan secara tunai/*lani* (*spot market*) dan tidak boleh berlaku sebarang penangguhan.
- c. Akad jual beli *Al-sarf* mesti bebas daripada *khiyar al-syart*²⁴.

Soalan 16:

Apa itu *bay' al-sarf*?

Jawapan:

Bay' al-sarf iaitu jual beli mata wang dengan mata wang yang sama atau lain seperti menjual emas dan perak, perak dengan perak atau perak dengan emas atau mata wang seperti Ringgit Malaysia dengan US Dollar, Ringgit Malaysia dengan Riyal Saudi dan sebagainya.

Soalan 17:

Apakah hukum berkaitan perdagangan mata wang asing (*forex*) melalui platform elektronik?

Jawapan:

Berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012, hukum perdagangan pertukaran mata wang asing (*forex*) oleh individu secara *lani* (*Individual Spot Forex*) melalui platform elektronik adalah haram

24. *Khiya al-syart* adalah persetujuan di antara penjual dan pembeli semasa akad jual beli iaitu salah seorang atau kedua-dua daripada mereka berhak memilih sama ada meneruskan atau membatalkan kontrak yang telah dimeteraikan mengikut tempoh yang dtpersetujui. Tempoh masa pemilihan tidak melebihi tiga hari.

kerana mengandungi unsur-unsur seperti riba melalui pengenaan *roll over interest*, pensyaratan jual beli dalam pemberian hutang melalui *leverage*²⁵, *qabd*²⁶ yang tidak jelas ketika transaksi pertukaran, penjualan mata wang yang tiada dalam pegangan dan spekulasi yang melibatkan perjudian.

Soalan 18:

Apakah parameter pelaburan emas mengikut hukum syarak?

Jawapan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 yang bersidang pada 13-15 Oktober 2011 telah membuat keputusan berkaitan parameter pelaburan emas adalah seperti berikut:

1. Transaksi jual beli emas mestilah memenuhi semua rukun jual beli yang digariskan oleh syarak, iaitu pihak yang berakad, item pertukaran, dan sighthah menurut uruf yang diamalkan. Jika sekiranya suatu transaksi tidak memenuhi salah satu rukun jual beli, transaksi tersebut dikira tidak sah.
2. Pihak yang berakad mestilah orang yang mempunyai kelayakan melakukan kontrak (*Ahliyyah At-Ta'aqud*) iaitu dengan memenuhi kriteria-kriteria berikut:

25. *Leverage* ialah pinjaman daripada broker (orang tengah) yang diberikan kepada trader penjual).

26. *Qabd* adalah kata terbitan daripada perkataan bahasa Arab *qabada-yaqbidu* yang bermaksud dengan mengambil, menggenggam, memegang, menguasai dan yang seumpamanya. *Qabd* ialah pindahan milik.

i. Baligh, berakal dan *rasyid*²⁷

Jika sekiranya pihak yang berakad adalah seorang yang gila atau kanak-kanak sama ada *mumayyiz*²⁸ atau tidak *mumayyiz*, maka jual belinya adalah tidak sah. Akad oleh kanak-kanak yang *mumayyiz* adalah tidak sah kerana jual beli ini melibatkan barang yang tinggi nilainya.

ii. Keredhaan

Akad jual beli mestilah dimeterai oleh dua pihak yang saling redha-meredhai, tanpa ada unsur paksaan, tekanan dan eksploitasi.

3. Harga belian (*Al-Thaman*) hendaklah diketahui dengan jelas oleh kedua-dua pihak yang berakad ketika sesi jual beli.
4. Barang belian (*Al-Muthman*) hendaklah suatu yang wujud dan dimiliki sepenuhnya oleh pihak yang menjual ketika berlangsungnya kontrak jual beli. Oleh itu, jual beli suatu yang tidak wujud secara fizikalnya dan juga jual beli suatu yang tidak dimiliki oleh pihak yang menjualnya adalah tidak sah.
5. Barang belian (*Al-Muthman*) hendaklah suatu yang boleh diserahkan kepada pembeli atau wakilnya. Jika barang belian tidak dapat diserahkan kepada pembeli, ataupun penjual mensyaratkan tidak menyerahkannya kepada pembeli, maka akad tersebut tidak sah.
6. Barang belian (*Al-Muthman*) hendaklah suatu yang diketahui oleh kedua-dua pihak yang berakad ketika sesi jual beli.

27. *Rasyid* ialah bijaksana/cergas.

28. *Mumayyiz* ialah dapat membezakan antara yang buruk dan baik, yang bersih dan yang kotor.

7. *Sighah* dalam jual beli adalah suatu yang menunjukkan kepada keredhaan kedua-dua pihak untuk memeterai kontrak jual beli. Ia boleh berlaku sama ada melalui pertuturan, atau suatu yang boleh mengambil hukum pertuturan seperti tulisan dan seumpamanya. Manakala jual beli secara *mu'ataah* (serah hulu) juga adalah dikira sebagai *sighah* yang muktabar oleh sebahagian fuqaha'.
8. Dalam *sighah* jual beli tidak boleh dimasukkan unsur penempohan. Contohnya, seseorang mengatakan, "*Saya menjual barangan ini kepada kamu dengan harga RM100 untuk selama tempoh setahun.*".
9. Ijab dan qabul mestilah bersepadanan dan menepati antara satu sama lain dari sudut ciri-ciri dan kadarnya.
10. Oleh kerana emas dan wang adalah dua item *ribawi* yang mempunyai *illah*²⁹ yang sama, maka syarat tambahan bagi transaksi pembelian atau penjualan emas mestilah memenuhi syarat berikut:
 - i. Berlaku *taqabudh* (penyerahan) antara kedua-dua item yang terlibat dalam transaksi sebelum kedua-dua pihak bertransaksi berpisah daripada majlis akad.
 - ii. Jual beli emas hendaklah dijalankan secara *lani*, dan tidak boleh berlaku sebarang penangguhan.

Syarat-syarat tersebut adalah khas bagi emas yang bercirikan item *ribawi*, seperti emas jongkong dan syiling emas. Syarat ini tidak termasuk barang perhiasan emas kerana ia telah terkeluar daripada *illah ribawi*.

29 *Illah* ialah satu asas atau sifat yang standard.

Perincian taqabudh dan urusan niaga tunai/*lani* (*spot market*) adalah seperti berikut:

Syarat Pertama: *Taqabudh*

- a. *Taqabudh* (penyerahan) hendaklah berlaku terhadap kedua-dua item jual beli iaitu harga dan juga barang belian (emas), dan ia hendaklah terlaksana sebelum kedua-dua pihak berpisah daripada majlis akad.
- b. Penyerahan harga boleh dilakukan melalui kaedah-kaedah berikut:
 - ✳ Pembayaran secara tunai
 - ✳ Pembayaran secara cek yang diperakui (seperti *banker's cheque*)
 - ✳ Pembayaran secara cek peribadi
 - ✳ Pembayaran secara kad debit
 - ✳ Pembayaran secara kad kredit
 - ✳ Pemindahan wang daripada akaun simpanan atau semasa.

Secara urufnya, kesemua bentuk bayaran di atas kecuali pembayaran secara cek yang diperakui adalah dianggap sebagai pembayaran tunai oleh penjual. Pembayaran melalui kad kredit masih lagi dianggap tunai kerana pihak penjual akan mendapatkan harga jualan secara penuh daripada pihak yang mengeluarkan kad kredit tersebut. Hutang yang berlaku, jika ada, adalah di antara pemegang kad dengan pengeluar kad dan bukannya dengan penjual barangan.

Status tunai ini masih lagi diterima secara urufnya oleh penjual walaupun pada hakikatnya pihak penjual tidak menerima tunai secara fizikal sebaliknya dimasukkan ke dalam akaunnya beberapa hari selepas transaksi berlaku.

- c. Penyerahan barang belian (emas) hendaklah berlaku secara penyerahan hakiki ataupun kaedah muktabar yang boleh menggantikan penyerahan hakiki. Penyerahan barang belian yang muktabar akan membawa kesan sama seperti penyerahan hakiki, iaitu:
 - ❖ Berpindah *dhaman* (tanggungjawab jaminan) daripada penjual kepada pembeli.
 - ❖ Kemampuan pembeli untuk mendapatkan barang belian pada bila-bila masa tanpa ada halangan.
- d. Majlis akad dalam transaksi jual beli boleh berlaku dengan pertemuan secara fizikal, ataupun secara maknawi. Contoh majlis akad secara maknawi ialah ijab dan qabul melalui telefon, sistem pesanan ringkas (sms), emel, faksimili dan lain-lain. Namun, disyaratkan hendaklah berlaku *taqabudh* ketika majlis akad dalam semua bentuk majlis akad tersebut, contohnya melalui penyerahan secara wakalah.

Syarat Kedua: Secara tunai/*lani*

- a. Transaksi jual beli emas hendaklah berlaku secara tunai/*lani* (*spot market*) dan tidak boleh dimasuki sebarang unsur penangguhan, sama ada dalam penyerahan harga atau dalam penyerahan emas.
- b. Penangguhan penyerahan harga yang tidak dibenarkan

adalah meliputi pembelian secara hutang secara keseluruhannya atau pembelian secara bayaran ansuran.

- c. Kelewatan penyerahan emas yang melebihi tempoh tiga hari selepas akad jual beli dimeterai adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- d. Penglibatan hibah dalam transaksi jual beli sama ada hibah dalam bentuk barangan ataupun wang tunai adalah dibenarkan jika mencukupi syarat-syarat hibah, dan tidak melibatkan unsur-unsur yang bercanggah dengan syarak. Perlu diberi perhatian bahawa hibah secara hakikatnya adalah akad sukarela dan ia bukanlah dalam bentuk lazim. Dengan kata lain, jika janji hibah ini tidak ditunaikan oleh penjual, maka pembeli tidak boleh memaksanya memberi hibah tersebut.
- e. Penglibatan wadiah³⁰ dalam pelan pelaburan emas hendaklah menepati hukum hakam wadiah, yang antara lainnya ialah pegangan wadiah adalah berasaskan kepada *yad amanah*³¹.
- f. Seseorang yang membeli emas bebas mengendalikan (*tasarruf*) emasnya, termasuklah memberi pinjaman (*qardh*) kepada orang lain. Namun, ia hendaklah memenuhi kriteria *qardh* yang dibenarkan syarak, yang antara lainnya tidak boleh membawa unsur faedah, tidak wujud unsur "*salaf wa bay*" iaitu hutang yang diikat bersama dengan jual beli.

30. *Wadiah* bermaksud mewakilkan orang lain untuk menyimpan sesuatu untuk dijaga dengan cara tertentu.

31. *Yad amanah* ialah wadiah di mana penerima barang tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan pada barang yang dipelihara selagi ia bukan diakibatkan daripada kelalaian penerima barang yang dipelihara. Contoh, produk *safe deposit box* di bank.

- g. Seseorang yang membeli emas bebas mengendalikan (*tasarruf*) emasnya termasuk menjadikannya sebagai pajakan untuk wang secara hutang, selagi konsep *ar-rahnu* yang digunakan adalah bertepatan dengan hukum syarak. Namun, secara teorinya, perkara ini seharusnya tidak digalakkan kerana secara tidak langsung ia menggalakkan aktiviti berhutang dalam keadaan yang tidak perlu.
- h. *Wa'd*³² boleh dimasukkan dalam pelaburan emas, selagi mana ia adalah *wa'd* daripada sebelah pihak dan bukannya *muwa'adah*³³ daripada kedua-dua belah pihak. Contoh aplikasi *wa'd* dalam konteks ini ialah membuat *purchase order*, iaitu pelanggan membuat perjanjian untuk membeli emas dengan harga tertentu. Perjanjian pembelian ini dinamakan kunci harga. Sekiranya proses kunci harga adalah menyamai proses akad jual beli, ia tidak dibenarkan kerana akan berlaku penangguhan.
- i. Transaksi jual beli hendaklah bebas daripada unsur-unsur riba, perjudian, *gharar* yang berlebihan dan kezaliman. Sekiranya terdapat unsur-unsur tersebut, transaksi jual beli adalah dikira tidak memenuhi kriteria syarak.

32. *Wa'd* atau *unilateral promise* merupakan suatu janji yang dibuat oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk melakukan sesuatu perkara.

33. *Muwa'adah* ialah janji dua hala.

Soalan 19:

Apakah keputusan Fatwa Negeri Selangor mengenai pelaburan dalam Amanah Saham Nasional dan seumpamanya?

Jawapan:

Setiap negeri di Malaysia mempunyai Enakmen Agama Islam masing-masing dan enakmen tersebut telah memperuntukkan fatwa di negeri masing-masing. Bagi negeri Selangor, keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor adalah rujukan utama, yang mana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke 2/2011 yang bersidang pada 12 April 2011 telah bersetuju untuk memutuskan bahawa pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan seumpamanya adalah **tidak halal** kerana masih belum menepati hukum syarak dengan alasan seperti berikut:

1. Skim ASN dan ASB secara jelas terlibat dalam aktiviti pelaburan yang bercampur-campur antara patuh syariah dan tidak patuh syariah. Sebahagian besarnya adalah daripada sektor kewangan konvensional. Ini berdasarkan hadis riwayat Jabir Al-Ja'fi daripada Ibnu Mas'ud yang maksudnya: *"Tidak bercampur antara yang halal dan yang haram, melainkan mengalahkan yang haram atas yang halal."*
2. Skim ASN dan ASB diklasifikasikan sebagai dana unit amanah tidak patuh syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti kerana terlibat dalam pelaburan tidak lulus syariah iaitu pelaburan dalam kaunter perbankan konvensional berteraskan faedah melalui Maybank dan pasaran wang.
3. Sumbangan kepada tidak patuh syariah adalah terbesar yang tidak bertepatan dengan kehendak syarak serta kadarnya yang berubah-ubah menyukarkan pelabur untuk membuat pembersihan terhadap hasil dividen.

Soalan 20:

Adakah Sijil Premium Bank Simpanan Nasional patuh syariah?

Jawapan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012 telah membuat keputusan bahawa pelaksanaan skim Sijil Simpanan Premium (SSP) oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) telah dikemas kini dengan menggunakan akad *mudharabah* (perkongsian untung) dan dana SSP dilaburkan dalam instrumen dan aset yang mematuhi syariah serta hadiah-hadiah yang disumbangkan adalah menggunakan dana daripada sumber Skim Perbankan Islam (SPI) BSN.

Sehubungan itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bersetuju memutuskan bahawa skim SSP yang telah diperbaharui pelaksanaannya oleh BSN adalah produk yang sepenuhnya mematuhi syariah dan diharuskan oleh syarak.

Soalan 21:

Apakah yang dimaksudkan dengan takaful?

Jawapan:

Takaful adalah suatu skim yang berdasarkan prinsip *ta'awun*, jamin menjamin atau bantuan bersama. Ia memberikan perlindungan bersama aset dan harta serta menawarkan perkongsian risiko bersama sekiranya salah seorang ahlinya mengalami kerugian.

Soalan 22:

Apakah perbezaan antara takaful dan insurans konvensional?

Jawapan:

Perbezaan antara takaful dan insurans konvensional adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3: Perbezaan Antara Takaful Dan Insurans Konvensional

BIL	PERKARA	TAKAFUL	INSURANS
1.	Konsep	Berasaskan semangat kerjasama dan tolong menolong (<i>ta'awun</i>) dan <i>tabarru'</i>	Semata-mata berdasarkan faktor-faktor komersial
2.	Akad	Wakalah, <i>mudharabah</i>	Jual beli
3.	Prinsip	Bebas daripada riba, <i>gharar</i> dan <i>maisir</i>	Banyak terlibat dengan riba, <i>gharar</i> , dan <i>maisir</i>
4.	Operasi	Dipantau oleh Majlis Penasihat Syariah (SAC)	Tiada Majlis Penasihat Syariah (SAC)
5.	Keuntungan	Keuntungan akan dikongsi antara pengendali (syarikat) dan peserta berasaskan <i>mudharabah</i>	Mempraktikkan riba (faedah)

Soalan 23:

Apakah status pampasan insurans konvensional sekiranya pembeli polisi telah meninggal dunia?

Jawapan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-94 yang bersidang pada 20-22 April 2011 telah membincangkan status pampasan polisi insurans konvensional selepas kematian pembeli polisi. Muzakarah telah memutuskan seperti berikut:

1. Muzakarah berpandangan bahawa insurans konvensional adalah suatu *muamalah* yang tidak patuh syariah kerana mempunyai elemen-elemen yang bercanggah dengan prinsip teras Islam.
2. Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa pampasan polisi insurans konvensional yang diterima oleh ahli waris adalah dikira sebagai harta tidak patuh syariah.
3. Jumlah bayaran pokok pembeli polisi ketika hayat sahaja dikategorikan sebagai harta peninggalan si mati yang perlu diagihkan secara sistem faraid. Manakala baki pampasan polisi insurans konvensional tersebut pula tidak boleh diwarisi oleh ahli waris secara sistem faraid serta wajib dilupuskan dengan diserahkan sama ada kepada pihak Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri-negeri atau didermakan untuk tujuan kebajikan termasuklah kepada golongan fakir dan miskin.
4. Jika terdapat ahli waris pembeli polisi, contohnya isteri atau anak-anak pembeli polisi dikategorikan sebagai golongan fakir dan miskin, maka hukumnya adalah harus bagi ahli waris tersebut untuk mengambil wang pampasan polisi

insurans konvensional tersebut dengan jumlah sekadar keperluan sebagai fakir dan miskin setelah disahkan oleh pihak berkuasa atau jawatankuasa kariah kawasan berkenaan. Baki wang pampasan polisi tersebut perlulah dilupuskan mengikut cara yang telah dinyatakan dalam perkara (3) di atas.

BAHAGIAN 4

PERBANKAN ISLAM

Soalan 1:

Apa itu perbankan Islam?

Jawapan:

Perbankan Islam adalah satu sistem perbankan berlandaskan prinsip syariah iaitu *fiqh muamalat* (peraturan Islam dalam transaksi) yang bersumberkan Al-Qur'an dan As-Sunnah³⁴. Ia turut bersumberkan undang-undang Islam sekunder yang lain seperti kesepakatan pendapat oleh ulama mujtahid tentang sesuatu hukum syariah (ijma'), menyamakan perkara baharu yang tiada nas secara analogi (qiyas) dan hasil usaha daripada para mujtahid dalam merumuskan sesuatu hukum dan nilai melalui kaedah istinbat (ijtihad). Sistem perbankan Islam mengharamkan pengambilan riba (mengumpul dan memberi faedah) dan mengelakkan pengenaan kadar faedah ke atas pinjaman dan perniagaan yang tidak halal di sisi Islam.

34. Undang-undang sekunder adalah kata sepakat semua ulama Islam yang *mujtahid* (yang sangat memahami kaedah syariat dan dalil-dalil contoh Imam Syafi'ie dan Imam Malik) pada suatu masa selepas zaman Rasulullah mengenai suatu hukum syarak.

Soalan 2:

Apakah konsep asas syariah dalam perbankan Islam?

Jawapan:

Konsep asas syariah dalam perbankan Islam adalah seperti berikut:

1. *Wadi`ah* (Simpanan)

Wadi`ah bermaksud kontrak menyimpan sesuatu barang atau harta sebagai amanah. Bagi kontrak ini, pelanggan akan menandatangani wang tunai atau aset lain sebagai simpanan di bank. Bank akan menjamin keselamatan barang yang disimpan oleh pelanggannya.

2. *Mudharabah* (Perkongsi keuntungan)

Mudharabah ertinya seseorang memberikan wang tunai sebagai modal kepada peniaga untuk menjalankan perniagaan yang mana keuntungan dibahagikan di antara pemberi modal dan peniaga. Menurut pandangan Mazhab Syafi'ie, *mudharabah* ialah akad oleh pemodal yang mewakilkan kepada pengusaha supaya diniagakan modalnya dengan dibahagikan keuntungan antara mereka.

3. *Bai' Bithaman Ajil* - BBA (Penjualan dengan harga tertangguh)

Al- Bai' Bithaman Ajil ialah satu kontrak perjanjian oleh pembiaya seperti bank membeli harta yang dikehendaki oleh pelanggan. Pembiaya akan menjual semula harta yang dibelinya itu kepada pelanggan tersebut dengan harga pokok dan keuntungan. Namun, pelanggan tersebut membuat

membayar secara bertangguh mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan dibayar dengan jumlah tertentu secara beransur-ansur.

4. *Murabahah* (Kos tambah)

Murabahah bermaksud kos tambah, sepertimana *Bai' Bithaman Ajil*, transaksi *murabahah* melibatkan penjualan barangan di antara penjual dan pembeli pada harga jualan termasuk margin keuntungan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Bagaimanapun, dalam *murabahah*, penjual mesti memaklumkan kepada pembeli kos sebenar aset dan margin keuntungan semasa perjanjian jualan dibuat.

5. *Musarakah* (Usaha sama)

Musarakah ialah apabila dua orang atau lebih bersetuju bahawa setiap daripada mereka memberikan modal dan bersepakat membahagikan keuntungan dan kerugian. *Musarakah* biasanya diaplikasikan untuk pembiayaan projek yang mana pemaju dan bank sama-sama menyediakan dana untuk membiayai projek tersebut. Setelah projek itu selesai, pemaju mengembalikan dana tersebut bagi hasil yang telah disepakati bersama.

6. *Ijarah Thumma Bai'* (Sewa beli)

Ijarah Thumma Bai' ialah sewa beli yang lazimnya digunakan dalam membiayai barangan pengguna terutamanya pembiayaan kenderaan. Terdapat dua kontrak berasingan yang terlibat iaitu kontrak *ijarah* (pajakan/ penyewaan) dan kontrak *bai'* (jual beli).

7. *Wakalah* (Agensi)

Wakalah atau agensi merupakan satu kontrak di mana seseorang individu (prinsipal) melantik pihak lain bertindak

mewakili dirinya (sebagai ejen) untuk melaksanakan tugas-tugas khusus. Ejen yang dilantik biasanya dibayar fi atas perkhidmatannya.

8. *Qard* (Kontrak hutang)

Qard ialah kontrak hutang untuk pinjaman diberi bagi satu tempoh yang tetap atas semangat ihsan dan peminjam hanya perlu membayar balik jumlah pinjaman yang sebenar sahaja. Namun, sekiranya peminjam membayar lebih berdasarkan budi bicaranya tanpa ikatan perjanjian, ia dianggap sebagai tanda terima kasih kepada pemberi pinjaman.

9. *Hibah* (Ganjaran)

Hibah merujuk pada pemberian saguhati secara sukarela sebagai balasan kepada manfaat yang diterima oleh seseorang atau organisasi.

Soalan 3:

Apakah perbezaan antara perbankan Islam dengan perbankan konvensional?

Jawapan:

Perbezaan antara perbankan Islam dan perbankan konvensional adalah seperti berikut:

1. Perbankan Islam bertunjangkan akidah Islamiah tetapi perbankan konvensional tiada kaitan dengann akidah dalam urus niaganya.
2. Perbankan Islam dibina di atas dasar iman dan takwa manakala perbankan konvensional pula dibina atas dasar

pemikiran manusia yang terbatas dan dipimpin oleh hawa nafsu.

3. Perbankan Islam menitikberatkan pahala dan dosa berbanding dengan perbankan konvensional yang tidak mengambil kira tentang pahala dan dosa.
4. Perbankan Islam bermatlamat untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT berbanding perbankan konvensional hanya berusaha untuk mendapatkan keuntungan semata-mata.
5. Perbankan Islam menjadikan Al-Qur'an dan As-Sunnah sebagai sumber rujukan berbanding perbankan konvensional hanya menggunakan akal dan pengalaman manusia sebagai rujukan.

Soalan 4:

Apakah hukum menggunakan kad kredit konvensional?

Jawapan:

Berdasarkan fatwa para ulama kontemporari Islam seperti Shaikh Bin Baz dan Shaikh Utsaimin serta beberapa ulama lain bahawa seseorang Muslim tidak boleh terlibat secara langsung dengan perbankan konvensional yang menggunakan sistem riba. Maka, menggunakan perkhidmatan dan produk perbankan konvensional adalah haram kerana terlibat dengan riba, *gharar* dan judi. Ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Rasulullah SAW melaknat pemakan riba, yang memberi makan, dua orang saksi dan jurutulisnya, kedudukan mereka itu semuanya sama.”

(Hadis Riwayat Ahmad dan Abu Daud)

Soalan 5:

Apakah yang dimaksudkan dengan wang tidak patuh syariah?

Jawapan:

Wang atau harta tidak patuh syariah ditakrifkan sebagai harta yang dimiliki dan diperoleh melalui wasilah yang tidak diiktiraf oleh syarak seperti rompakan, rampasan, hasil jualan barang curi, rasuah, perjudian, loteri, transaksi riba, perlindungan insurans konvensional, keuntungan pelaburan dalam sekuriti tidak patuh syariah dan seumpamanya.

Soalan 6:

Apakah hukum menggunakan wang tidak patuh syariah untuk diri sendiri?

Jawapan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Ke-87, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam pada 23-25 Jun 2009 menyatakan bahawa dalam Islam harta-harta yang diperoleh dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:

1. Diserahkan kepada Baitulmal untuk masalah-masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;
2. Diserahkan kepada golongan fakir miskin; atau
3. Jika harta tersebut merupakan harta rompakan, curi dan

seumpamanya, maka harta tersebut perlu diserahkan semula kepada pemiliknya. Jika pemiliknya telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai, maka harta tersebut mestilah dikembalikan kepada ahli warisnya. Sekiranya tidak dapat diketahui pemilik atau ahli waris pemilik, maka harta tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

BAHAGIAN 5

GADAIAN

Soalan 1:

Apakah itu *ar-rahn*?

Jawapan:

Ar-rahn dari segi bahasa bermaksud tetap atau menahan. Dalam bahasa Melayu, *ar-rahn* ialah gadaian yang bermaksud pinjaman wang dengan bersandarkan barang sebagai cagaran untuk tempoh tertentu. Manakala dari segi istilah fiqh, *ar-rahn* bermaksud menjadikan sesuatu harta sebagai cagaran atau gadaian kepada sesuatu hutang sebagai menjamin pembayaran balik hutang tersebut.

Soalan 2:

Apakah syarat-syarat barang gadaian?

Jawapan:

Syarat-syarat barang gadaian adalah seperti berikut:

1. Suci dari segi syarak.

2. Barang yang hendak digadaikan perlulah barang yang boleh memberi faedah kepada manusia.
3. Barang yang hendak digadai adalah hak milik penggadai.
4. Barang yang hendak digadai tersebut mestilah dimiliki dan boleh diserahkan ketika berlakunya akad atau *sighah*.
5. Barang yang hendak digadaikan mestilah ditentukan harganya.
6. Berlaku penyerahan dan penerimaan barang yang digadaikan.

Soalan 3:

Apakah syarat-syarat penggadai dan penerima gadaian?

Jawapan:

Syarat-syarat penggadai dan penerima gadaian adalah seperti berikut:

1. Berakal.
2. Baligh.
3. Cerdik.
4. Tidak dipaksa.
5. Berkuasa penuh ke atas diri dan hartanya.

Soalan 4:

Apakah perbezaan antara pajak gadai konvensional dan pajak gadai Islam?

Jawapan:

Pajak gadai konvensional adalah pajak gadai yang menjalankan operasinya dengan tidak mengikut hukum syarak. Pajak gadai konvensional berasaskan kadar faedah dan beroperasi demi keuntungan semata-mata, sementara pajak gadai Islam membawa konsep pinjaman tanpa faedah berasaskan prinsip *qardh al-hasan*, dengan tujuan perkhidmatan kepada golongan yang memerlukan bantuan. Penggadai hanya dikenakan upah menyimpan ke atas nilai barang gadaian (*marhun*).

Soalan 5:

Apakah fatwa ke atas sistem gadaian *ar-rahnu* di Malaysia?

Jawapan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 telah membincangkan *Penentuan Hukum Syarak Dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) di Malaysia*. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

1. Sumber modal kerja untuk pemegang pajak gadai Islam (*ar-rahnu*) hendaklah diperoleh daripada perbankan Islam atau sumber-sumber yang halal dan bebas daripada amalan riba, judi, *gharar* dan aktiviti lain yang tidak selaras dengan kehendak syariah.
2. Pemegang *ar-rahnu* hendaklah mengambil perlindungan

insurans Islam (takaful) dan tidak boleh terlibat dalam aktiviti insurans konvensional.

3. Sekiranya barang sandaran hilang atau dicuri atau musnah dan sebagainya, pemegang *ar-rahnu* hendaklah membayar pampasan baki nilai barang sandaran sewaktu ia ditaksirkan.
4. Pemegang *ar-rahnu* digalakkan melantik panel penasihat syariah dalaman bagi memantau operasi dan aktiviti *ar-rahnu*.

Soalan 6:

Apakah fatwa ke atas penentuan hukum dalam pelaksanaan skim gadaian Islam di Malaysia?

Jawapan:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-78 yang bersidang pada 12 Jun 2007 telah memutuskan bahawa bersetuju menerima cadangan kadar upah simpan barang gadaian untuk skim *ar-rahnu* seperti berikut:

Nilai Barang Tempoh (Bulan) Kadar Upah Yang Ditetapkan Gadaian (% Sebulan)

BIL	KADAR UPAH	% SEBULAN
1.	RM100.00 untuk 3 bulan pertama	0.60% sebulan
2.	RM1,000.00 untuk 3 bulan berikutnya	0.70% sebulan
3.	RM 1,001.00 untuk RM 3 bulan pertama	0.65% sebulan
4.	RM 5,000.00 untuk 3 bulan berikutnya	0.80% sebulan
5.	RM 5,001.00 untuk RM 3 bulan pertama	0.80% sebulan
6.	RM10,000.00 untuk 3 bulan berikutnya	0.95% sebulan

Sekiranya setelah tamat tempoh yang dinyatakan, barang gadaian tersebut masih gagal ditebus, persetujuan kedua-dua belah pihak perlu diperoleh bagi menentukan tempoh lanjutan dan kadar yang dikenakan.